



KELUARAN
KHAS

Ke 72
Tahun

دُولَتِ كِبَارُ دُولَيْ قَانْ قَاتِيق
Daulat Kebawah Duli Tuan Patik



SEMPENA SAMBUTAN
PERAYAAN ULANG TAHUN
HARI KEPUTERAAN KEBAWAH
DULI YANG MAHA MULIA PADUKA
SERI BAGINDA SULTAN DAN
YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



KELUARAN SABTU
14 JULAI 2018

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
infodept.bn infodept.bn infodept.bn



Oleh : Sastra Sarini Haji Julaini
Foto : Jabatan Penerangan

BELIA sering kali dikaitkan sebagai generasi penerus, tonggak harapan bangsa untuk menerajui negara ke arah pembangunan negara yang mampan. Walaupun mereka ini adalah dalam golongan muda, namun sumbangannya mereka ke arah kesejahteraan negara tidak boleh disangkal. Dengan idea dan buah fikiran yang progresif dan kadangkala di luar daripada zon selesa, keberanian ke arah perubahan yang positif inilah yang sepatutnya diberi sokongan.

Di Negara Brunei Darussalam, sebagai sebuah negara yang membangun, belia juga mempunyai tanggungjawab yang sama. Di bahu belia dipahatkan tanggungjawab untuk menggalas seruan Wawasan Brunei yang mahu melihat negara ini sebagai sebuah negara yang dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang memiliki rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Justeru belia sememangnya mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk sama-sama membantu memastikan negara terus menikmati kesejahteraan, maju, serta berdaya tahan dalam semua aspek.

Peranan penting belia juga menerima perhatian dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Ini boleh disaksikan melalui titah-titah baginda yang sentiasa menyeru belia ke arah penambahbaikan serta program-program kerajaan dalam membantu pembangunan serta jati diri belia di negara ini.

Baginda tidak syak lagi merupakan *role model* kepada para belia untuk bergerak aktif, mempunyai iltizam yang tinggi ke arah perubahan yang positif yang mana

Role model kepada belia

semua ini adalah untuk menuju ke arah menjayakan Wawasan Negara 2035. Baginda juga sering kali menekankan kepentingan pembangunan yang seimbang yang mana kejayaan adalah untuk semua aspek iaitu kejayaan duniawi dan ukhrawi.

Pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-12 tahun lepas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, yang dimahukan adalah belia berkualiti, yang aktif bukan pasif.

"Kita tidak mahu para belia itu hanya tahu menghitung hari, tetapi yang kita mahukan ialah, belia yang ligat dan giat 'mengisi' waktu atau hari dengan aktiviti-aktiviti berkebajikan, bukan membiarkannya kosong atau berlalu begitu sahaja."

Pengisian hari atau waktu ini mustahak diambil kira, kerana zaman kita sekarang adalah zaman yang terlalu banyak berseronok atau bersantai. Jika para belia, kita biarkan asyik memilih trend bersantai sahaja, maka risikonya sangatlah buruk untuk masa depan," titah baginda.

Pada Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di Australia pada 17 Mac 2018 di Hilton Hotel, Sydney, Australia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengingatkan akan pentingnya ilmu pengetahuan, terutama dalam usaha kerajaan menjayakan Wawasan Negara 2035. Titah baginda, generasi muda yang berpendidikan tinggi adalah sebenarnya 'sumber asli' negara yang tiada ternilai. Rakyat berilmu dan berkemahiran akan mampu untuk memacu ekonomi dan kemakmuran negara. Baginda juga melahirkan harapan kepada generasi muda untuk lebih berani menyahut cabaran, perlu tampil menyumbangkan buah fikiran dan usaha membangunkan negara.

Dalam hal ini, kerajaan baginda telah memberikan banyak peluang serta platform kepada generasi muda untuk menimba ilmu serta mengasah bakat mereka dalam pelbagai bidang seperti keusahawanan, pertanian dan sukarelawan.

Antara platform yang dimaksudkan bagi bidang keusahawanan seperti yang jelaskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-14 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada 19 Mac yang lalu, ialah Unit Latihan Kemahiran dan Keusahawanan, iaitu Unit Pembangunan Keusahawanan Belia di bawah pengurusan Pusat Pembangunan



Belia (PPB) dan Program Pembangunan Keusahawanan di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan. Program-program berkenaan diwujudkan untuk meningkatkan keupayaan diri belia dan menyumbang kepada penghasilan belia-belia pengusaha yang berpengetahuan inovatif dan produktif.

Di samping bidang keusahawanan, Kerajaan Kebawah DYMM juga menggalakkan para belia untuk berkecimpung dalam bidang pertanian. Pada Januari tahun ini, seperti yang dimaklumkan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-14 MMN pada 14 Mac yang lalu, lebih kurang 30 belia didedahkan untuk berkecimpung dalam bidang pertanian. Skim yang sedang ditawarkan ialah melalui skim rintis dan diganding dengan *scheme contract farming*. Melalui taklimat - taklimat berkenaan, para belia dide dahkan dengan pelbagai aspek pertanian, iaitu dari segi tadbir urus termasuk hal ehwal teknologi pertanian dan ilmu pertanian itu sendiri.

Salah satu lagi program yang diperkenalkan untuk memperkuatkan jati diri para belia di negara ini ialah melalui Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) yang mana 15 Mac tahun ini menyaksikan pengambilan ke-7 berjaya menamatkan latihan mereka pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan di Padang Kawad, Kem Latihan Kekal PKBN, Kampung Batu Apoi, Daerah Temburong.

"Beta percaya kewujudan PKBN amatlah penting kerana melaluiinya kita dapat membentuk modal insan belia yang optima yang memiliki jati diri dan semangat patriotisme yang kental. Beta amat gembira dengan semangat yang ditunjukkan oleh para pelatih semasa cara Hari Kebangsaan baru-baru ini. Semangat seperti ini perlu terus dipupuk untuk mencapai 'Brunei Maju' menjelang 2035."

Kita semua maklum bahawa kemajuan sesebuah negara itu sering dikaitkan dengan pembangunan modal insan. Kerana pembangunan modal insan adalah teras bagi menjayakan sesuatu transformasi ke arah perubahan. Maka atas dasar inilah kita memberikan fokus kepada pembangunan insan cemerlang, di antaranya melalui program PKBN. Lebih-lebih lagi modal insan di peringkat belia adalah tonggak bangsa dan negara," titah baginda pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan di Padang Kawad, Kem Latihan Kekal PKBN tersebut.

Alhamdulillah, atas keprihatinan Kebawah DYMM terhadap golongan belia dengan sering menyeru ke arah perkembangan belia yang positif serta pengenalan program-program belia di pelbagai peringkat, kita mula nampak hasil kejayaan golongan ini.

Ini boleh dilihat melalui beberapa

kejayaan belia negara di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Antara yang berjaya adalah seperti Awang Haji Muhammad Iqbal Fakhri bin Haji Damit, penerima Anugerah Belia Berkhidmat pada Hari Belia Kebangsaan Ke-12. Beliau merupakan seorang belia yang bergiat aktif dalam aktiviti kesukarelawanan dalam membantu masyarakat di dalam bahkan juga di luar negara seperti di Kemboja.

Sementara itu, dalam bidang industri kreatif juga boleh dilihat kemajuan dengan nama-nama yang melonjak di peringkat antarabangsa seperti Aziz Harun dan Jaz Hayat. Para belia muda ini mencipta kejayaan dalam bidang nyanyian yang mengharumkan nama di persada seni tanah air dan antarabangsa. Ini jelas membuktikan bahawa para belia di negara ini mempunyai potensi dan bakat untuk diasah dan digilap.

Baru-baru ini, seorang lagi belia, iaitu Pengiran Haji Ahmad Fadillah bin Pengiran Haji Sellahuddin mengharumkan nama negara atas khidmat masyarakat yang dilaksanakannya dan menerima pengiktirafan Queen's Young Leaders Award daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Ratu Elizabeth II, Queen of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland pada majlis yang berlangsung di Istana Buckingham di London.

Pencapaian-pencapaian ini sudah cukup menggambarkan bahawa negara mempunyai golongan belia yang mempunyai sifat daya saing, kreativiti, aktif dan semangat yang tinggi. Ini amat diperlukan oleh negara untuk memastikan kelangsungan negara untuk membangun dengan lebih pesat dan progresif. Para belia seharusnya mengambil peluang yang diberikan oleh Kerajaan Kebawah DYMM Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sahutlah seruan untuk sama-sama bergerak ke arah sebuah negara maju.

"Kita memang berhasrat untuk melihat negara melangkah lebih jauh sebagai sebuah negara maju. Ini adalah matlamat suci negara yang merdeka."

Harapan ini lebih-lebih lagi perlu turut digalas oleh generasi muda. Negara sangat memerlukan generasi muda untuk berani tampil menerajui pembangunan. Para belia perlu mengambil peluang untuk meningkatkan keupayaan diri masing-masing melalui program-program yang ditawarkan di dalam atau di luar negeri. Mereka sepatutnya lebih terpanggil untuk menerajui pucuk pimpinan badan-badan sukarela, mahupun syarikat-syarikat.

Para belia yang biasanya kaya dengan idea-idea baharu, pasti berani untuk menghadapi pelbagai cabaran. Mereka lah yang diharapkan untuk memberikan nafas baharu kepada segala usaha pembangunan dalam negara," titah baginda sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018.





Oleh : Hajah Zabaidah Haji Salat
Foto : Jabatan Penerangan

DALAM usaha mencapai Wawasan Brunei 2035, kesukarelawanan adalah antara elemen yang penting untuk memacu pembangunan negara serta meningkatkan sosioekonomi dan kesejahteraan masyarakat.

Perkara ini bertepatan dengan konteks Negara Brunei Darussalam bahawa kerja-kerja kesukarelawanan menyumbang pada pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035, iaitu rakyat yang mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi. Menyedari akan pentingnya peranan kerja-kerja sukarelawan pada pembangunan negara bangsa, negara telah melihatnya sebagai sebahagian pelengkap yang perlu diberikan perhatian pada kesempurnaan rancangan pembangunan negara bagi menjadikannya berdaya tahan dalam jangka masa yang lama.

Dunia dan masyarakat antarabangsa sendiri kini telah memberikan perhatian yang khusus dan peranan penting dalam kegiatan-kegiatan sukarelawan pada pembangunan negara bangsa dan keamanan serantau dan sejagat. Ini kerana kesukarelawanan dapat membawa pada perubahan kepada individu melalui transformasi peribadi, kebaikan kepada masyarakat melalui pengukuhan ikatan fabrik sosial dan saling mempercayai dan, mengangkat imej negara dengan kualiti kehidupan yang tinggi dan rakyat yang sejahtera.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sebagai seorang ketua negara dan pemimpin yang berwibawa baginda amat menggalakkan kerja-kerja kesukarelawanan sebagaimana yang pernah baginda titahkan pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1429 Hijrah / 2008 Masih anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) yang antara lain ingin melihat lebih ramai para remaja dan belia dide dahakan pada sikap kesukarelawanan kerana menurut baginda ia akan memberikan suntikan kesedaran kepada generasi muda untuk lebih peka dengan nasib anak bangsa yang memerlukan bantuan, di samping juga akan menipiskan sikap mementingkan diri sendiri dalam kalangan mereka.

Keprihatinan baginda itu telah menjadi penyuntik semangat pada seluruh penglibatan yang dimainkan oleh sukarelawan-sukarelawan dan NGOs di negara ini dalam menangani apa jua jenis kejadian kecemasan yang amat memerlukan bantuan segera dan sebagainya.

Pembentukan sikap pemedulian dalam kerja-kerja kesukarelawanan adalah sangat mustahak, terutama di zaman yang amat pesat dengan pembangunan ini akan menjadikan pembangunan budaya kita lemah. Budaya orang Brunei ialah budaya muafakat dan budaya tolong-menolong. Ia perlu kuat dan terus diamalkan, bukan seperti di kebanyakan bahagian dunia hari ini, budaya seperti ini sudah agak lemah,

Penggalak bidang kesukarelawanan



digantikan oleh budaya berlepas tangan dan budaya nafsu-nafsi.

PENUBUHAN MAJLIS KEBANGSAAN ISU SOSIAL

Berdasarkan semangat muafakat serta sikap mengambil berat inilah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah pernah bertitah memperkenankan penubuhan Majlis Kebangsaan Isu Sosial, untuk menangani masalah dan isu sosial yang sangat merunsingkan, yang juga akan berperanan bagi menyelaras program-program yang dirancang oleh agensi-agensi yang terlibat supaya lebih berkesan dan teratur.

Sebagai contoh, baginda telah menyambut baik inisiatif YSHHB dalam menujuhkan Unit Sukarelawannya. Sejak penubuhannya tahun 2005, unit ini telah mempunyai ahli lebih 600 orang, yang terdiri daripada para belia dari pelbagai latar belakang pendidikan dan kemahiran. Unit ini mempunyai rancangan-rancangannya yang telah atau sedang dilaksanakan dengan jayanya.

Sebagai sebuah institusi sosial, YSHHB tidak akan dapat bergerak sendirian tanpa sokongan agensi-agensi kerajaan mahupun swasta serta lain-lain badan di luar kerajaan. Dalam makna yang lain, YSHHB amat memerlukan kerjasama melalui pendekatan rangkaian strategik dengan agensi-agensi dan badan-badan tersebut, khasnya dalam memastikan keberkesan pengurusan dan penyaluran bantuan-bantuan sosial kepada masyarakat.

Sejak Unit Sukarewan Yayasan ditubuhkan, ia telah mengendalikan program-program kemasyarakatan mereka melalui pendekatan yang dipanggil pendekatan strategik atau *strategic alliances*. Melalui pendekatan inilah, kepakaran, sumber tenaga manusia dan sumber kewangan digunakan secara maksima untuk pembangunan yang lebih berkesan.

Kita amat bangga di negara ini, tidak kurang agensi-agensi dan badan-badan yang terlibat dengan program-program kemasyarakatan. Pelbagai agensi daripada sektor awam mahupun daripada sektor swasta juga pihak NGOs, malah juga pihak-pihak individu yang prihatin terhadap orang-orang yang kurang bernasib baik dan memerlukan bantuan di negara ini.

YAYASAN KANSER KANAK-KANAK

Salah sebuah badan NGO yang bergiat aktif dalam kerja-kerja kesukarelawanan ialah Yayasan Kanser Kanak-Kanak (YASKA). YASKA merupakan pertubuhan bukan kerajaan yang bertujuan untuk memberikan sokongan kepada kanak-kanak yang mengidap kanser dan keluarga mereka ketika menjalani rawatan serta mendidik dan mewujudkan kesedaran

awam mengenai kanak-kanak yang mengalami kanser di negara ini.

Setakat ini lebih 100 kanak-kanak yang mengidap kanser sedang menerima rawatan dan seramai 10 hingga 15 orang kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam dilaporkan mengidap kanser setiap tahun dan daripada jumlah berkenaan ada di antara mereka mengidap seperti Kanser Leukemia, mata dan tumor otak.

Bagi membantu YASKA, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri telah sering berkenan berangkat menyertai perlawanan Polo Amal Richard Mille bagi YASKA.

MAJLIS KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

Sebuah lagi badan sukarelawan yang NGO ialah Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) yang ditubuhkan pada bulan Disember 2009 telah bergiat aktif memberikan sumbangan bakti dalam kerja-kerja sukarelawan di negara ini.

Sejak ditubuhkan, MKM telah berjaya melaksanakan visinya dengan membantu ramai keluarga dan menganjurkan beberapa projek pembangunan seperti memperkenalkan latihan kemahiran kepada ibu tunggal, membantu keluarga yang memerlukan perniagaan mereka sendiri dan bimbingan perniagaan, iaitu sesuai dengan objektif penubuhannya untuk menangani isu-isu sosial di negara ini dengan membantu menyelaras usaha-usaha pelbagai badan bukan kerajaan serta komited ke arah meningkatkan kebajikan kepada lima kumpulan utama atau golongan-golongan teras, iaitu kanak-kanak; orang kurang upaya; warga tua; miskin atau memerlukan dan keluarga mudah terjejas di negara ini.

Tekad serta semangat kental Ahli-ahli MKM yang tidak mementingkan diri sendiri dan ikhlak dalam membantu orang lain tanpa mengharapkan balasan akan berterusan sehingga bila-bila agar golongan yang memerlukan bantuan dan kurang berkemampuan terus mendapat perhatian, khususnya dalam isu kemasyarakatan seperti isu kemiskinan yang sering disebut-sebut oleh media-media massa.

Dengan demikian, peranan penting kerja-kerja sukarelawan dalam pembangunan negara tidak sepatutnya dipandang ringan atau diketepikan, kerana kesukarelawan mempunyai kaitan yang kukuh dan rapat pada memperkasakan peranan setiap individu, masyarakat dan komuniti di Negara Brunei Darussalam sebagai pemilik dan mereka yang mempunyai kepentingan kepada program-program dan rancangan-rancangan pembangunan negara.

Oleh yang demikian, konsep

kesukarelawanan perlu diberikan perubahan paradigma oleh setiap anggota masyarakat terutamanya golongan belia dan generasi muda di Negara Brunei Darussalam dalam mana kesukarelawanan, bukan lagi merupakan kerja sosial yang menjadi pilihan akan tetapi sebagai satu kemestian dan tanggungjawab semua.

Kita amat bersyukur kerja-kerja kesukarelawanan di Negara Brunei Darussalam semakin berkembang dan mendapat sambutan oleh masyarakat khususnya golongan belia. Dalam hal ini, negara sangat menyanjung tinggi dan memberikan penghargaan kepada persatuan-persatuan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, kumpulan-kumpulan dan pihak individu yang melaksana dan merancang pelbagai kegiatan dan kerja-kerja sukarelawan dalam bentuk kerja amal, sosial dan kebajikan dalam pelbagai bidang.

Apa yang sangat membanggakan ialah persatuan, pertubuhan dan golongan belia di negara kita telah berani melangkah membuat kerja-kerja sukarelawan di luar batas sempadan negara seperti penglibatan mereka dalam program ASEAN Young Professionals Volunteer Corps, SCOTS dan Sukarelawan UBD ke negara-negara ASEAN. Kejayaan belia-belia Negara Brunei Darussalam dalam dan luar negari dalam bidang kesukarelawanan adalah bersesuaian dengan pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dengan meraikan Hari Sukarelawan Antarabangsa di peringkat antarabangsa sejak tahun 1985.

Walau bagaimanapun, kita masih memerlukan banyak penglibatan anggota masyarakat dan golongan belia dalam pelbagai peringkat untuk melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarelawan dengan memberikan lebih masa dalam setahun dalam kerja-kerja sukarelawan.

KESIMPULAN

Hanya melalui penglibatan yang meluas dan berterusan anggota masyarakat dan komuniti dalam kerja-kerja kesukarelawan dalam pelbagai bidang dapat menyumbang kepada meningkatkan taraf kehidupan rakyat, menyelesaikan masalah dan isu sosial, memberikan harapan kepada mereka yang memerlukan bantuan dan pertolongan, memperkuatkukan ikatan sosial dan menjadikan individu sebagai seorang yang lebih baik dan mempunyai matlamat dalam kehidupan.

Bidang kesukarelawan adalah platform yang terbaik memperkasa kapasiti modal insan, di samping boleh membentuk belia-belia berwawasan dan berintergerit supaya mempunyai visi yang jauh ke hadapan dalam membangun sahsiah para belia pada melakukan kerja-kerja sosial dan kemasyarakatan. - "Daulat Kebawah Duli Tuan Patik!"

Martabatkan agama Islam melalui pendidikan



Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani
Foto : Jabatan Penerangan

AGAMA Islam yang dianuti dan ajarannya telah dihayati di Negara Brunei Darussalam sudah diwarisi sebagai cara hidup sejak 600 tahun lalu. Perlombagaan Negeri Brunei 1959 yang dipindah pada tahun 2004 dan 2008 turut menjadi asas kepada perkembangan perundangan di negara ini dan telah mencatatkan agama Islam bukan sahaja menjadi agama rasmi, malah juga memberi ruang kepada perkembangan syiaranya yang terus menyerlah.

Di samping itu, pelaksanaan perundangan Islam di negara ini juga turut bertambah kukuh semenjak Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan pada tahun 1984. Undang-undang Islam menjadi dasar perundangan negara dan Al-Quran sentiasa dibaca dan menjadi pedoman kepada orang Islam di negara ini. Sebagai rakyat dan penduduk di negara ini, kita amat bertuah kerana memiliki sebuah negara yang diberi petunjuk dan ditakdirkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala menjadi negara yang mengamalkan ajaran Islam.

Bukan itu sahaja, perkembangan agama Islam semakin kukuh di Negara Brunei Darussalam adalah disebabkan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), yang mana konsep ini telah mengamalkan Islam sebagai pegangan dan cara hidup orang-orang Brunei. Di samping itu, sistem pemerintahan beraja yang dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam juga berdasarkan kepada ugama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan menghayati Mazhab Syafii sebagai cara hidup sepanjang hayat yang membawa kebaikan dan kesejahteraan kepada rakyat dan penduduknya.

Sistem ini kekal subur di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah



ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang mana baginda sendiri adalah sebagai ketua agama bagi Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia amat menitikberatkan kepentingan pendidikan agama dan telah menjadikannya pendidikan formal semenjak tahun 1956 semasa pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien. Dalam pendidikan agama seseorang Muslim diajarkan tentang Rukun Iman dan Rukun Islam yang menjadi roh kepada seorang Muslim. Melalui pendidikan agama ini juga secara tidak langsung akan mewujudkan masyarakat yang harmoni, memiliki nilai-nilai akhlak yang mulia.

Pada zaman yang serba mencabar ini, pelbagai masalah keruntuhan akhlak berlaku dalam kalangan generasi muda. Oleh yang demikian, melalui pendidikan agama inilah anak-anak muda dididik dengan ilmu keagamaan yang menjadi pedoman untuk mereka menjalani dan

mengharungi cabaran dunia. Oleh itu, atas keprihatinan Kebawah DYMM ke atas setiap rakyat dan penduduk di negara ini, baginda telah memperkenankan Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012. Dengan pelaksanaan perintah tersebut menunjukkan bahawa Kerajaan Kebawah DYMM amat bertanggungjawab dalam memartabatkan pembelajaran agama Islam bagi seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam. Dengan adanya perintah ini juga memberikan kesedaran kepada masyarakat bahawa kerajaan amat menitikberatkan kepentingan agama Islam terutamanya melalui pendidikan agar syiar Islam itu akan berkekalan dan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Perkembangan pendidikan Islam di negara ini dikukuhkan dengan penubuhan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah, Sekolah Ugama Arab Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Ma'had Islam Brunei, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Pusat Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam dan sebagainya. Dengan adanya perkembangan pendidikan Islam ini, ia telah memantapkan kedudukan Islam di negara ini serta menyumbang pada mengukuhkan falsafah MIB.

Selain itu, Kebawah DYMM juga turut mengambil berat tentang keberkesan pendidikan ugama agar ia sentiasa dinilai, di samping mengambil berat tentang mutu bacaan Al-Quran dan kesempurnaan ibadat sembahyang murid-murid di peringkat sekolah dan pengajian. Perkara tersebut berdasarkan titah Kebawah DYMM pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi (malam ketiga) :

"Beta juga mahu, supaya pelajar ugama yang ada setakat kini, hendaklah terus diperhatikan. Maksud beta, supaya mata-mata pelajaran di sekolah-sekolah ugama dan sekolah-sekolah umum mestilah sentiasa dinilai keberkesanannya."

Mengapa ini perlu? Kerana berdasarkan hasil kajian ke atas mutu bacaan Al-Quran dan kesempurnaan ibadat sembahyang di kalangan murid-murid dan pelajar-pelajar di semua peringkat persekolahan dan pengajian adalah amat membimbangkan. Kajian telah dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan, setelah beta sendiri memintanya untuk dibuat, pada tahun lepas."

Kebawah DYMM turut bertitah mengongsikan bahawa kira-kira 81 peratus murid dan pelajar adalah tidak melakukan sembahyang secara konsisten. Manakala 4 peratus pula tidak pernah mengerjakan sembahyang. Sementara itu, dalam bidang membaca Al-Quran pula, hanya 41 peratus sahaja yang membaca secara konsisten, sementara 65 peratus adalah mereka yang masih kurang berkebolehan membaca dengan bertajwid.

Bagi menjunjung hasrat titah baginda agar pelajaran berkaitan sembahyang dan Al-Quran perlu diambil perhatian, maka pihak Kementerian Pendidikan telah melaksanakan Projek Membudayakan Bacaan Al-Quran dan Sembahyang Fardhu Zuhur dan Asar di Sekolah-sekolah Rendah, Menengah, Maktab dan Pusat Tingkatan Enam Seluruh Negara yang telah dilancarkan pada 10 Mei 2018. Projek ini adalah sebagai langkah untuk meningkatkan amalan dan ibadah para pelajar agar tidak meninggalkan sembahyang dan juga mendekatkan diri mereka dengan Al-Quran, di samping meraih keberkatan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sebagai sebuah negara Islam, kita amat bertuah kerana memiliki seorang raja yang amat mementingkan ajaran-ajaran agama Islam dalam sistem pentadbiran negara. Oleh itu, kita selaku rakyat dan penduduk negara ini hendaklah mengekalkan keselesaan dan kemakmuran yang dikehendaki dan mendukung laila hasrat raja kita untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah Negara Zikir dan berlandaskan konsep MIB. "Daulat Kebawah Duli Tuan Patik!"



MIB warisan jati diri bangsa



Oleh : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar
Foto : Jabatan Penerangan

APABILA menyebut mengenai Melayu Islam Beraja (MIB), pastinya kebanyakan orang akan menyatakan bahawa MIB adalah ideologi kita, falsafah kita, budaya kita, cara hidup kita dan cara berfikir kita.

MIB adalah jalan yang sudah cukup bagus, hebat, selamat dan unik. Jika kita ikut jalan MIB, insyaAllah akan selamatlah kita. Hindarilah jalan atau landasan lain selain MIB, jika kita tidak mahu terbiasa dan dicap sebagai warga Brunei yang tidak patriotik.

Kita menggunakan MIB sejak lebih daripada 600 ratus tahun lalu. Sepatutnya MIB tidak perlu dipertikaikan lagi. MIB adalah pakaian Brunei, maka sesiapa yang mempertikaikan MIB, mereka itu bukanlah purih Brunei atau tidak berjaya Brunei.

MIB adalah milik, sistem atau dasar atau nilai sistem bagi Brunei Darussalam dan identiti kita. Jika kita membung MIB, bermakna kita telah menolak sistem dan mengaburi identiti sendiri. Jadi, siapakah kita pada ketika itu? Jangan ambil tak endah akan MIB walau di mana kita berada, pastikan MIB tetap bersama.

Dalam pada itu, para pelajar adalah pewaris dan anak kandung MIB. Mereka tidak boleh berpaling tada daripada MIB, walau apapun bidang pendidikan yang mereka pilih atau ambil. Bawalah ke mana saja budaya MIB, cara hidup dan berfikir MIB, bukan yang lain. Pertahananlah jati diri, integriti dan semangat keBruneian kita.

Para pelajar jangan mudah lupa diri kerana mereka adalah anak-anak jati



Brunei. Selaku orang Brunei, mereka ada pegangan, budaya dan identiti sendiri. Bawa dan peganglah kuat-kuat pegangan, budaya dan identiti MIB, jangan dilepaskan atau ditukar ganti. Inilah aset kita. Inilah harga diri kita.

Para pelajar diperlukan untuk mempromosikan jati diri yang hebat dan pengalaman-pengalaman menarik kepada masyarakat; pencetus pada idea-idea besar serta menjadi pemilik pada bakat dan aspirasi global.

Inilah sifat-sifat para pelajar yang kita harapkan untuk mengemudi negara pada masa hadapan. Tanpa sifat-sifat ini, mereka tidak akan mampu untuk membuat apa-apa yang hebat atau besar bagi negara dicinta.

Para pelajar adalah calon pemimpin masa depan. Jika ada persepsi seperti itu dalam kalangan mereka, maka barulah ada harapan untuk ditunggu bagi satu keupayaan besar bakal menjelma.

Mereka perlu sedar, bahawa mereka adalah aset negara dan mereka tidak boleh cacat atau susut nilai. Jika aset cacat atau

susut nilai, maka ia bukan lagi aset. Mereka mesti benar-benar memahami kedudukan sistem nilai. Berada di negara orang lain adalah semata-mata untuk mengambil ilmu, bukan mengambil budaya.

Inilah cara yang betul untuk memelihara dan mempertahankan sistem nilai kita. Para pelajar khasnya, perlulah tahu membezakan semua hal. Kerana jika tidak, mereka mungkin akan dipengaruhi oleh pengaruh-pengaruh yang tidak diingini.

Pendekatan dapat dipelajari dari mana kita menimba ilmu, manakala azam pula tumbuh daripada dalam diri sendiri. Selain daripada pendekatan dan azam, landasan yang kita akan jalani juga perlu dikenal pasti. Landasan itu ialah acuan atau calak yang hendak dipakai.

"Bagi kita orang-orang Brunei, landasan atau acuan atau calak itu ialah MIB. Dalam makna, apa-apa jua yang tumbuh dan lahir daripada kita, adalah acuan atau calaknya tidak lain dari MIB. Gunakan acuan atau calak ini di dalam kehidupan di mana saja. Jangan ia ditukar ganti dengan yang lain-lain," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Serta Para Penuntut Negara Brunei Darussalam di Malaysia sempena Keberangkatan Baginda ke Malaysia, Selasa, 3 Muharam 1438H bersamaan 4 Oktober 2016M.

Pengaruh-pengaruh yang bertentangan dengan pegangan serta amalan kita adalah merugikan dan berpotensi untuk menjejaskan negara kita.

Keperluan yang sangat mustahak untuk menjadi seorang pemimpin adalah menguatkan amalan konsep MIB. Jangan sekali-kali menganut ideologi atau sistem selain daripada ideologi dan sistem MIB.

Kalau mahu jadi pemimpin yang baik, berpegang kuatlah dengan prinsip ini dan jangan menjadi pemimpin mabuk kuasa yang melakukan apa saja untuk kepentingan diri sendiri, lebih daripada kepentingan untuk negara kita sayangi ini.

Rukun pembangunan negara juga mengambil kira kualiti dalaman, iaitu syaksiah dan sikap hebat dalam membangun. Syaksiah dan sikap orang Brunei calaknya adalah MIB, maka selain MIB, ia bukan Brunei.

Kita boleh mengetahui atau mengenali budaya orang lain, sebagai satu cabang ilmu, tetapi bukan untuk menggunakanannya. Kita hanya menggunakan budaya kita

sendiri yang beracuan MIB.

Tunjang MIB adalah ajaran Islam. Jangan bergantung daripada ajaran Islam. Peganglah ia kuat-kuat tanpa perlu menoleh atau melihat pada yang lain.

Dalam ugama atau amalan berugama, kita boleh melihat, mendengar dan membaca cara-cara orang lain berugama atau mengamalkan ugama, tetapi bagi orang-orang Brunei sendiri, cara-cara itu hendaklah dirujuk kepada acuan MIB yang menentukan ugama itu sebagai ugama Islam menurut Aliran Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

Para belia Muslim perlu memiliki ilmu, iaitu ilmu Al-Quran dan Al-Hadis. Ini kerana pada kedua-dua ilmu itulah, ditentukan status kita umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, sebagai makna hadis, bunyinya :

"Sebaik-baik kamu ialah siapa yang mempelajari Al-Quran dan Al-Hadis." Dengan ilmu Al-Quran dan Hadis dalam dada kita, insyaAllah rantaunya kita akan memperoleh kekuatan dan keselamatan.

Konsistenlah berkubu dengan amal salih serta ibadat kepada Allah, insyaAllah para pelajar akan beroleh keselamatan. Bawalah ke mana saja budaya MIB, cara hidup dan berfikir MIB, bukan yang lain. Pertahananlah jati diri, integriti dan semangat keBruneian kita. Inilah warisan turun-temurun, di mana kita mesti berbangga dengan MIB.

"Ingatlah, kebanggaan satu-satu bangsa itu bukan diukur dari usahanya menjadi bangsa baharu, tetapi kebanggaan sejati terhasil apabila ia berjaya mempertahankan warisan dan jati dirinya," titah baginda pada Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di United Kingdom (UK) dan Northern Ireland dan Penganugerahan Biasiswa Chancellor's Scholar Universiti Brunei Darussalam Sesi 2014 / 2015, London, UK 2014.

Alhamdulillah, berkat dan daulat kepimpinan raja yang adil, berdaulat lagi bijaksana, insyaAllah MIB akan kekal menjadi calak, purih dan warisan jati bangsa Brunei sampai bila-bila. Berpijak pada bumi yang nyata dan menyanjung pada warisan yang ada, jangan lupa akan asal-usul diri kita, kerana kita tetap berasal dari bumi Brunei yang aman, sentosa dan sejahtera, membesar dengan adat dan jati diri yang sama, semoga baginda kekal karar memerintah negara di atas singgahsana. *"Daulat Kebawah Duli Tuan Patik!"*



Kepimpinan berlandaskan ajaran Islam



Oleh : Noriah Haji Abdul Hamid
Foto : Jabatan Penerangan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Ke-29 memerintah Negara Brunei Darussalam meletakkan ugama Islam di kedudukan yang tertinggi sebagai agama rasmi seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, malah ia juga menjadi tonggak dalam tindak tanduk pentadbiran, kepimpinan dan pengurusan yang dilaksanakan mengikut akidah Ahl Sunnah Wal Jamaah dan Mazhab Syafii sejak kemerdekaannya pada tahun 1984.

Walaupun agama Islam sebagai cara hidup di negara ini, tetapi mereka yang bukan beragama Islam mempunyai hak untuk mengamalkan ugama dan kepercayaan masing-masing demi melahirkan keharmonian dan kesejahteraan serta perpaduan pelbagai bangsa dan ugama yang tinggal dan bermastautin di Negara Brunei Darussalam.

CARA HIDUP BERSANDARKAN MIB

Islam adalah teras pada MIB yang dijadikan sebagai landasan hidup supaya kehidupan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam itu sentiasa dalam keberkatan dan rahmat serta reda Allah. Sebagaimana titah Kebawah DYMM pada 15 Rabiulawal 1413H bersamaan 12 September 1992M: "Negara yang memiliki identiti tersendiri, yang mengamalkan Islam sebagai Ugama Rasmi serta menjadikan Islam itu juga sebagai teras kepada falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB)."

Corak kehidupan yang berlandaskan

MIB menjadi asas perpaduan rakyat dan penduduk di negara ini bagi melahirkan calak dan purih Brunei yang berwibawa, taat kepada Allah dan setia kepada raja dengan sentiasa berusaha pada memperoleh ketenteraman, keajikan serta kebahagiaan.

Dalam kandungan titah Permasyturan Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984 Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menegaskan: "Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara MIB yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran ugama Islam menurut Ahl Sunnah Wal Jamaah, dan dengan berdasarkan keadilan, dan amanah dan kebebasan, dan dengan petunjuk serta keredaan Allah Subhanahu Wata'ala jua akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman, dan keselamatan, keajikan serta kebahagiaan bagi rakyat beta."

PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH SYAR'IAH

Pada menjunjung tinggi kedaulatan undang-undang Islam dan sebagai mendukung hasrat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mewujudkan satu sistem perundungan dan kehakiman Brunei menurut kehendak hukum syarak sepetimana titah baginda bersempena Hari Keputeraan baginda pada 15 Julai 1996.

Hasrat tersebut telah dapat dilaksanakan dengan penguatkuasaan Akta Mahkamah Syariah Penggal 184 pada 1 Muharam 1422H bersamaan dengan 26 Mac 2011M dengan penubuhan Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah. Kemuncak daripada usaha itu baginda memperkenankan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013 Fasa Pertama yang akan diikuti pula dengan fasa selanjutnya yang berkuat kuasa pada 1 Mei 2014 yang menjadi undang-undang utama. Pelaksanaan undang-undang ini membuktikan kegigihan baginda yang benar-benar berusaha memdaulatkan agama Islam.

KE ARAH MERREALISASIKAN NEGARA ZIKIR

Pembentukan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir dititahkan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha pada 19 Disember 2007M. Pembudayaan

MIB menjadi asas perpaduan rakyat dan penduduk di negara ini bagi melahirkan calak dan purih Brunei yang berwibawa, taat kepada Allah dan setia kepada raja dengan sentiasa berusaha pada memperoleh ketenteraman, keajikan serta kebahagiaan.

Dalam kandungan titah Permasyturan Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984 Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menegaskan: "Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara MIB yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran ugama Islam menurut Ahl Sunnah Wal Jamaah, dan dengan berdasarkan keadilan, dan amanah dan kebebasan, dan dengan petunjuk serta keredaan Allah Subhanahu Wata'ala jua akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman, dan keselamatan, keajikan serta kebahagiaan bagi rakyat beta."

PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH SYAR'IAH

Pada menjunjung tinggi kedaulatan undang-undang Islam dan sebagai mendukung hasrat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mewujudkan satu sistem perundungan dan kehakiman Brunei menurut kehendak hukum syarak sepetimana titah baginda bersempena Hari Keputeraan baginda pada 15 Julai 1996.

Hasrat tersebut telah dapat dilaksanakan dengan penguatkuasaan Akta Mahkamah Syariah Penggal 184 pada 1 Muharam 1422H bersamaan dengan 26 Mac 2011M dengan penubuhan Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah. Kemuncak daripada usaha itu baginda memperkenankan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013 Fasa Pertama yang akan diikuti pula dengan fasa selanjutnya yang berkuat kuasa pada 1 Mei 2014 yang menjadi undang-undang utama. Pelaksanaan undang-undang ini membuktikan kegigihan baginda yang benar-benar berusaha memdaulatkan agama Islam.

KE ARAH MERREALISASIKAN NEGARA ZIKIR

Pembentukan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir dititahkan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha pada 19 Disember 2007M. Pembudayaan



membaca Al-Quran di kementerian, jabatan kerajaan, membaca Tahlil, Surah Yaa Siin dan Ratib Al-Attas sebelum memulakan sebarang pekerjaan adalah hasrat suci Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagaimana petikan titah baginda pada 18 Februari 1995 pada Majlis sempena Sambutan Nuzul Al-Quran menyeri pegawai-pejawai dan kakitangan kerajaan melazimkan diri untuk membaca Al-Quran walaupun setakat beberapa ayat setiap hari sebelum memulakan tugas dan pekerjaan masing-masing supaya apa jua khidmat dan pekerjaan yang kita lakukan untuk negara ini akan sentiasa terpimpin dan dipandu oleh petunjuk serta hidayat Allah Subhanahu Wata'ala.

SISTEM KEWANGAN ISLAM

Usaha Kebawah DYMM yang bersungguh-sungguh dalam mempraktikkan Islam sebagai cara hidup dan amat menitikberatkan pembangunan negara dalam berbagai-bagi bidang kemajuan dengan berlandaskan ajaran Islam temusuklah dalam urusan-urusan kewangan Islam supaya orang ramai akan dapat menyimpan dan melabur melalui suatu sistem simpanan kewangan atau saving scheme tanpa riba. Bagi maksud itu baginda telah memperkenankan satu 'Perintah Darurat' yang dinamakan 'Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei 1991'.

Negara Brunei Darussalam juga telah memperkenalkan perbankan dan kewangan Islam di negara ini pada tahun 1993, di mana ternyata perbankan dan kewangan Islam telah menjadi penggerak yang sangat bertengga kepada pertumbuhan ekonomi. Perbankan dan kewangan Islam telah berkembang dengan kadar yang cepat serta mampu meningkatkan jumlah pasaran yang sihat. Antara komponen kewangan Islam yang semakin popular ialah Perkhidmatan Perlindungan Takaful.

PEMAKANAN HALAL

Pada tahun 1998, bagi menyahut titah Kebawah DYMM, satu badan telah diwujudkan untuk menguruskan aktiviti yang berkaitan dengan pengesahan halal dari daging mentah hingga ke produk makanan halal; iaitu Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang juga berperanan untuk mengawal selia bagi keluaran dalam negara dan luar negara yang berhasrat untuk menggunakan tanda halal Majlis Ugama Islam Brunei

(MUIB).

Pada 28 Mei 2005, Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 diwartakan dan dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2008. Akta dan Perintah ini secara tidak langsung merupakan satu usaha Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menjaga kehalalan makanan di negara ini.

Pada 26 Januari 2017, beberapa pindaan telah diwartakan, iaitu mewajibkan ke atas semua pemilik perniagaan yang berkaitan dengan makanan di Negara Brunei Darussalam untuk membuat permohonan Sijil Halal dan / atau Permit Halal adalah pada 26 November 2017.

PERKHIDMATAN AWAM

Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 menekankan supaya Perkhidmatan Awam sentiasa membangun dan maju mengikut kemampuan serta keupayaannya sendiri berlandaskan ajaran dan akidah Islam yang direndah Allah, dalam keadaan dan suasana yang aman, makmur, tenteram di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua selari dengan 11 Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sepetimana petikan titah Kebawah DYMM sempena menyambut Tahun Masih 1993 : "Bagi Negara Brunei Darussalam mestilah kekal di atas kakinya sendiri, berdiri dengan yakin, membangun dan berusaha dengan titik peluh dan gayanya yang tersendiri, menurut arus perkembangan yang sihat dan selamat di bawah inayah dan petunjuk Allah iaitu ajaran-ajaran agama Islam yang maha suci."

PENUTUP

Sesungguhnya kepimpinan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah menepati *maqashid syariah*, iaitu tuntutan penghayatan dan pemeliharaan terhadap Rukun Islam bersumberkan Al-Quran dan Al-Hadis. Kebijaksanaan Kebawah DYMM dalam memimpin Negara Brunei Darussalam menjadikan negara ini sebagai sebuah negara yang aman damai sesuai dengan pengertian Brunei Darussalam yang bermaksud 'Rumah Keamanan'. "Daulat Kebawah Duli Tuan Patik!"



Pelopor pembangunan bercirikan keislaman



Oleh : Pg. Hajah Fatimah
Pg. Haji Md. Noor
Foto : Jabatan Penerangan

SEBAGAI rakyat dan penduduk negara ini, kepentingan untuk kita terus memperkasa pembangunan inovasi yang terancang dan strategik serta mengekalkan usaha-usaha melipatgandakan dan mempelbagaikan ekonomi negara ini ke arah pembangunan pelbagai sektor seperti dalam bidang pertanian, agrimakanan serta industri pelancongan yang boleh menjana ekonomi Negara Brunei Darussalam dalam mengubah landskap negara daripada bergantung sepenuhnya pada hasil minyak dan gas dengan penglibatan semua *stakeholders*. Dalam pada masa yang sama, kita perlu memupuk dan mengamalkan nilai-nilai teras konsep Melayu Islam Beraja (MIB) dalam memartabatkan budaya tradisional yang telah diamalkan bertahun-tahun dahulu.

Dalam hal ini, semua dasar dan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sepanjang hampir 51 tahun memerintah negara ini adalah berusaha ke arah memelihara kedudukan Islam sebagai agama yang lengkap yang menjurus pada konsep negara MIB.

Pencapaian yang telah dinikmati selama dalam tempoh pemerintahan itu dalam semua bidang pentadbiran, agama, ekonomi dan sosial adalah tanda sebagai keredaan Allah Subhanahu Wata'ala ke atas bumi Brunei Darussalam. Ini termasuk pencapaian dalam bidang pelaburan besar industri minyak dan gas; pembinaan bangunan-bangunan kerajaan dan swasta; penerokaan kawasan-kawasan komersial; penubuhan rancangan perumahan negara, pembinaan infrastruktur yang moden serta kemudahan-kemudahan asas demi meningkatkan kualiti kehidupan rakyat.

Di samping itu, kerajaan baginda telah mengurniakan subsidi bahan-bahan keperluan asas seperti beras, gula, minyak kenderaan dan sebagainya. Malahan secara peribadi baginda melalui Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah berperanan dalam usaha untuk memperbaiki kehidupan rakyat yang tidak berkemampuan dan berpendapatan rendah dengan bantuan kebajikan yang mencukupi. Ini semua adalah anugerah dan kurnia daripada Allah Subhanahu Wata'ala atas keberkatan pelaksanaan dasar-dasar negara yang berteraskan Islam.

Jambatan penghubung di antara Bandar Seri Begawan ke Sungai Kebun merupakan satu lagi kejayaan negara dalam membina infrastruktur baru, yang mana dibuka secara rasmi pada 14 Oktober 2017.

Perasmian jambatan itu merupakan satu lagi detik yang penuh bersejarah khususnya dalam perkembangan pembangunan negara dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang



Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri berkenan merasmikan jambatan yang kini dikenali sebagai Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAHS) dan menjadi mercu tanda negara, sekali gus membuktikan bahawa Negara Brunei Darussalam semakin membangun dan maju seiring dengan pemerintahan baginda itu. Tambahan pula, jambatan ini tersergam indah di satu kawasan strategik, iaitu Kampong Ayer yang wujud berabad-abad lamanya dan telah didaftarkan sebagai Khazanah Dunia (World Heritage) dengan Pertubuhan UNESCO ke arah memelihara dan mempertahankan warisan bangsa untuk tetap dikunjungi dan akan mendukung industri pelancongan. Kalau kita menatapi Sungai Brunei, pemandangan tersaji begitu indah panorama Kampong Ayer sebuah perkampungan air terbesar di Asia Tenggara.

Di samping bertujuan untuk memudahkan masyarakat malah ia memberi impak yang cukup besar khususnya kepada penduduk di negara ini dalam bidang ekonomi masyarakat setempat dan membolehkan para pengguna untuk menyaksikan sendiri pemandangan Kampong Ayer yang cukup mempesonakan.

Dengan di kelilingi keindahan menarik seperti taman yang pastinya menjadi salah satu daya tarikan pelancong yang datang berkunjung ke negara ini. Apa yang pasti, dengan pembukaan jambatan ini, sedikit sebanyak mampu membangunkan kawasan Sungai Kebun dan sekitarnya.

TAMAN MAHKOTA JUBLI EMAS

Taman Mahkota Jubli Emas yang dibuka rasmi pada 22 Oktober 2017 oleh Kebawah DYMM merupakan kesinambungan perancangan Bandar Seri Begawan bagi meningkatkan identiti Bandar Seri Begawan sebagai bandar hijau, ikonik serta berkonsepkan MIB, di samping mempamerkan warisan dan kebudayaan yang sihat khususnya di negara ini. Dengan terbinanya taman ini, ia akan berpotensi mempromosikan lagi Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir malah apa yang menarik, terdapat 'Dinding Sejarah' di kedua-dua sayap taman berkenaan yang memperingati sejarah serta penduduk asli Kampong Ayer.

Dinding Sejarah ini diharap akan dapat memotivasi orang ramai untuk sentiasa menghargai tradisi dan kebudayaan rakyat Brunei. Selain itu, informasi-informasi ditempatkan pada corak reka bentuk

berdasarkan Islam yang dipadukan dengan tema taman.

Satu lagi keistimewaan taman ini, di mana di teras atas sebelum berjalan ke jambatan, terdapat lima buah panel 'Demi Masa' yang mencerminkan reka bentuk dinding luar untuk mengingatkan pentingnya hidup dalam kebenaran, kesabaran dan keimanan melalui penempatan lima karya seni khas yang menampilkan maklumat mengenai solat lima. Dengan kewujudan taman ini memberikan kita gambaran yang jelas akan konsep negara, iaitu MIB dan menjadikan negara ini sebuah Negara Zikir dengan tersergam indahnya Masjid Omar 'Ali Saifuddien yang turut menjadi lambang negara sebagai sebuah negara Islam. Taman ini turut menyediakan laluan berjalan kaki untuk pengunjung menikmati kesegaran tumbuh-tumbuhan hijau sambil menghirup udara segar dan beriadah.

POTENSI PELANCONGAN

Dari sudut pelancongan, pembinaan Jambatan RIPAHS dan Taman Mahkota Jubli Emas ini menambahkan satu lagi mercu tanda kegemilangan negara sekali gus menarik para pelancong luar yang bertandang ke negara ini khususnya di kawasan Bandar Seri Begawan. Untuk jangka waktu yang panjang, pembinaan Jambatan RIPAHS juga Taman Mahkota Jubli Emas ini pastinya akan mampu memberikan impak yang baik untuk pembangunan ekonomi khususnya daripada segi pelancongan selain keselesaan dan kemudahan kepada penduduk khususnya penduduk di sekitar Kampong Ayer. Apa yang paling jelas, selain kewujudan jambatan dan juga taman ini, waktu juga telah menunjukkan betapa sejarah telah menunjukkan bagaimana Negara Brunei Darussalam selepas mencapai kemerdekaannya pada 23 Februari 1984 seiring waktu dan tahun negara kita kian membangun dan berubah sepenuhnya dari sudut landskap pembangunan fizikal dan ekonominya.

KEMAKMURAN

Kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan yang dimiliki ini insyaaAllah akan terus dinikmati selagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam mensyukuri segala nikmat dan anugerah Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana firman-Nya dalam Al-Quran Surah Ibrahim, ayat 26. "Dan (ingatlah juga), tatkala Tuhanmu memaklumkan : Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku),

maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih."

Pembangunan inovasi yang terancang dan strategik adalah penting untuk terus diperkasakan selain mengekalkan usaha melipatgandakan dan mempelbagaikan ekonomi negara ke arah pembangunan pelbagai sektor.

Dalam menghadapi iklim ekonomi yang secara beransur-ansur, ada peningkatannya kita haruslah bersyukur dan bersifat positif, kerana masih dapat menikmati faedah dan keistimewaan yang telah dikurniakan oleh kerajaan.

Walau bagaimanapun, janganlah dulu kita berasa *complacent* ataupun selesa dengan peningkatan kemudahan ini. Dengan pendekatan yang sering disebut oleh *whole of nation approach* dan konsep *give and take* dalam menimbulkan perkara-perkara yang berkepentingan bersama, telah menunjukkan sendiri kewibawaan untuk sama-sama membangun membawa Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan memastikan kemakmuran rakyat dan penduduk negara ini diambil berat.

REALISASI WAWASAN

Arus kepesatan Bandar Seri Begawan memberikan gambaran betapa kesungguhan Kerajaan Kebawah DYMM untuk memacu pembangunan Bandar Seri Begawan setanding dengan negara-negara yang lebih maju selaras dengan kehendak kemajuan dan relevannya kepada negara. Kita perlu berbangga dengan pelan-pelan kemajuan yang teratur dari agensi-agensi yang berwajib dan berperanan akan membantu memberi kejayaan dan merealisasikan impian menjadikan Bandar Seri Begawan lebih dinamik dan moden, di samping menerusi perancangan yang tersusun sudah tentu akan membantu mencapai Wawasan Negara 2035 nanti. Bandar Seri Begawan yang menjadi ibu negara tentu sekali bermegah dengan kepesatan arus perkembangan yang pesat, sekali gus mengangkat Negara Brunei Darussalam sebagai negara maju dan mampu menggiatkan sektor ekonomi menerusi peningkatan industri pelancongan dan pelaburan.

Dengan pencapaian ini, ia telah membuktikan satu langkah ke hadapan dalam pembangunan infrastruktur dan dengan itu akan dapat meningkatkan taraf hidup bagi rakyat Negara Brunei Darussalam. Semoga kenikmatan ini akan terus berkekalan. Aamin Ya Rabbal Alamin.

Raja bijaksana mentadbir Perkhidmatan Awam



Oleh : Nur Amalia Alisha Daud
Foto : Jabatan Penerangan

DALAM perihal pentadbiran Perkhidmatan Awam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan contoh pemimpin Islam terbaik pada era ini.

Negara Brunei Darussalam amat bertuah kerana mempunyai seorang pemimpin yang sentiasa meletakkan keperluan rakyat sebagai keutamaan sentiasa memberikan inspirasi agar rakyat akan terus maju demi meraih kejayaan di dunia dan akhirat terutama ketika berdepan dengan keadaan dunia yang penuh pancaroba.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa menekankan peranan Perkhidmatan Awam dalam menentukan kemajuan dan keutuhan sesebuah negara. Ini sepertimana yang ditekankan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-23, "Perkhidmatan Awam adalah teras utama untuk kemajuan sesebuah negara. Warga Perkhidmatan Awam adalah pengurus, pemudah cara dan malah ejen kepada perubahan. Kerana itu, warga Perkhidmatan Awam perlu memiliki disiplin yang tinggi dan kesungguhan dalam memainkan peranan masing-masing. Mereka perlu meningkatkan diri dengan mengenali baseline masing-masing, setakat mana minda, sikap dan kemampuan mereka dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti untuk



negara dan pelanggan. Negara adalah benar-benar berhajat kepada khidmat para penjawat awam. Melalui perkhidmatan mereka akan dapat ditingkatkan produktiviti dan penghasilan negara."

Untuk meningkatkan kualiti Perkhidmatan Awam ke tahap yang lebih baik dan setiap anggotanya memiliki pendekatan kerja yang lebih positif dan progresif, e-Kerajaan telah pun dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2005.

Pelaksanaan e-Kerajaan merupakan satu cabaran perubahan cara bekerja dan mewujudkan budaya kerja baharu yang mementingkan pengetahuan dan kemahiran di dalam bidang teknologi info-komunikasi.

Pelaksanaan portal tunggal kerajaan e-Darussalam merupakan salah satu inisiatif utama bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan serta kemudahan orang ramai. Pelaksanaannya memberikan peluang kepada para pelanggan untuk membuat urusan tertentu tanpa perlu mengunjungi kaunter perkhidmatan pada luar batasan waktu bekerja selaras dengan matlamat pembaharuan yang lebih berkesan.

Ke arah ini agensi-agensi kerajaan telah mewujudkan perkhidmatan dalam talian (*online*) seperti OneBiz, portal dalam talian yang memudahkan bagi memulakan perniagaan; PSC Recruitment, portal dalam talian bagi kemudahan memohon jawatan kosong; e-Perkhidmatan, sistem pembayaran bil elektrik; eCustoms, permohonan keahlian perpustakaan, eRegister, membolehkan warganegara Brunei untuk mendaftar ke Pejabat Misi Diplomatik semasa berada di luar negara bagi kemudahan bantuan Konsular; Labour Control Systems, Agensi

Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK), portal untuk membolehkan pencari kerja tempatan mendaftar dan memaparkan iklan jawatan kosong, menerima dan memproses permohonan mengisikan jawatan kosong secara *online*; HECAS, sistem kemasukan pengajian tinggi; EBIS, sistem pembayaran bil air dan sebagainya.

Dalam pada itu juga, dalam memastikan Perkhidmatan Awam di negara ini sentiasa berkesan, efisien serta cekap dalam menanai tugas dan tanggungjawab bagi mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat, mewujudkan keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran negara yang berkekalan, Sistem Pengurusan Prestasi Baharu diperkenalkan bagi semua warga Perkhidmatan Awam yang bertujuan untuk membolehkan penilaian hasil kerja setiap pegawai dan kakinan adalah adil, telus dan objektif serta mencerminkan sumbangan sebenar masing-masing.

Pada titah Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-24, Kebawah DYMM juga menyeri semua warga Perkhidmatan Awam untuk benar-benar mengambil serius dalam melaksanakan Sistem Penilaian Prestasi Baharu ini mengikut garis pandu yang ditetapkan yang mana akan lebih menyumbang kepada produktiviti dan daya saing dalam memberikan perkhidmatan yang berkesan dan berkualiti serta menggalakkan inovasi sebagai budaya kerja.

Untuk itu, warga Perkhidmatan Awam perlulah bersatu padu untuk menyahut hasrat Kebawah DYMM untuk menjadi warga Perkhidmatan Awam yang sentiasa proaktif dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan serta lebih prihatin terhadap keperluan masyarakat dan para pelabur ke arah mencapai Wawasan Negara 2035.



Atur strategi kekalkan keamanan



Oleh : Hajah Siti Muslihat Haji Salleh
Foto : Jabatan Penerangan

MEMBANGUN dan menjaga keamanan negara merupakan tanggungjawab rakyat, penduduk dan masyarakat di dalam sesebuah negara.

Tanggungjawab memelihara keamanan dan keselamatan negara khususnya bagi negara yang mencapai kemerdekaan penuh bukan sahaja menjadi tanggungjawab pemimpin atau pihak-pihak yang bertanggungjawab, tetapi kerjasama seluruh warganegara tanpa mengira kaum, bangsa dan agama adalah juga menjadi keutamaan.

Keselamatan negara ini amat besar nilai dan erti, oleh itu kita sebagai penghuni di Negara Brunei Darussalam perlu terus berusaha dalam memastikan keamanan, keselamatan dan kesejahteraan masa depan negara akan terus terjamin.

Walaupun terdapat agensi-agensi kerajaan yang telah dipertanggungjawabkan untuk menjaga kesejahteraan dan keselamatan negara, namun ia masih memerlukan sokongan dan kerjasama padu daripada semua pihak kerana nikmat keamanan adalah milik semua.

Seperti di negara-negara lain, keamanan dan keselamatan negara sebilangan besar dipertanggungjawabkan di atas bahu pasukan-pasukan keselamatan seperti Kementerian Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pasukan Polis Diraja Brunei dan lain-lain agensi keselamatan berkaitan.



Di negara ini, Kementerian Pertahanan dan ABDB umpamanya mempunyai tanggungjawab dan amanah yang besar untuk dilaksanakan bagi melindungi dan mempertahankan negara dari anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Penyusunan semula kerajaan dengan penubuhan 13 kementerian termasuk Kementerian Pertahanan menandakan tanggungjawab besar negara untuk menggalas tanggungjawab bagi menguruskan pertahanan yang sebelum ini di bawah kerajaan British sejak memegang tumpuk kemerdekaan pada 1 Januari 1984.

Sejak 7 September 1986, jawatan Menteri Pertahanan dipegang oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kementerian Pertahanan pada penghujung tahun 1986 telah menampilkan transformasi baharu dan moden untuk Negara Brunei Darussalam di bawah pimpinan Menteri Pertahanan dan telah menubuhkan dua bahagian berasingan yang dianggotai oleh staf awam dan staf tentera.

Bahagian staf awam diketuai oleh Setiausaha Tetap yang bertanggungjawab menerajui empat Jabatanarah, iaitu Jabatanarah Kewangan dan Perolehan; Pentadbiran dan Tenaga manusia; Pembangunan dan Kerja Perkhidmatan serta Politik dan Organisasi.

Manakala Bahagian Staf Tentera diketuai oleh Pemerintah ABDB yang merupakan penasihat utama pertahanan dan hal-hal operasi ketenteraan kepada Menteri Pertahanan yang juga selaku Pemerintah Tertinggi ABDB. Terdapat lima Jabatanarah di bahagian ini, iaitu Gerakan; Perisikan dan Keselamatan; Keanggotaan serta Latihan dan Logistik.

Antara fokus dan keutamaan Kementerian Pertahanan adalah untuk mengambil pendekatan berdaya maju yang terbaik dalam meningkatkan keberkesanan dalam menyelaraskan strategi Kementerian Pertahanan yang antaranya ialah ke arah memantapkan perlindungan isu-isu kepentingan negara; menambah baik tahap kesiapsiagaan dari segi keupayaan tentera bagi menjamin keselamatan negara; meningkatkan diplomasi pertahanan melalui perjanjian persefahaman, pertukaran lawatan, latihan



ketenteraan, pertukaran perisikan, latihan dan kursus pada peringkat negara, serantau dan antarabangsa dan sebagainya.

Kementerian Pertahanan juga tidak terkecuali dalam merancang perubahan-perubahan dan melaksanakan pendekatan-pendekatan baharu yang inovatif sebagai langkah kepada penjimatan perbelanjaan dan pengurusan kewangan yang berhemah dengan inisiatif-inisiatif yang antara lainya seperti penubuhan task force jimat sebagai kesinambungan kepada usaha berterusan kementerian tersebut dalam memastikan perbelanjaan berhemah dan mengelakkan pembaziran yang dilaratkan kepada semua peringkat operasi, yang mana berperanan untuk meneliti cost drivers dari perbelanjaan jabatan-jabatan Tentera dan Awam di bawah Kementerian Pertahanan.

Kesemua perancangan dan sasaran kementerian berkenaan dilaksanakan menggunakan rangka kerja strategik kementerian bagi memastikan pelaksanaan projek-projek dan pelan-pelan tindakan tersebut dicapai dengan berkesan serta berdaya tahan.

ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

ABDB mula dikenali sejak Hari Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984. Sebelumnya ia dikenali sebagai Askar Melayu Brunei sejak 31 Mei 1961 dan pada 31 Mei 1965 gelaran Askar Melayu Brunei kemudian diubah menjadi Askar Melayu Diraja Brunei.

Beberapa penstrukturkan baharu dilaksanakan, iaitu Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB); Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB); Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB); dan Institut Latihan ABDB (IL ABDB).

LINDUNGİ NEGARA

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB semasa bertitah sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-57 baru-baru ini mengulangi tugas utama ABDB, iaitu untuk melindungi negara kerana ia merupakan satu kekewajipan dan keamanan yang perlu dilaksanakan dengan penuh berhemah.

"Jangan tanya apa yang negara

mahu, tetapi tanyalah kepada diri kita sendiri apa yang sudah kita sumbangkan kepada negara?" demikian antara titah baginda yang sentiasa mengingatkan jasa bakti rakyat kepada negara.

Titah baginda itu sangat mendalam dan perlu ditanamkan di dalam sanubari setiap rakyat dan penduduk di negara ini yang dalam erti kata lain juga memerlukan kerja sama yang erat bagi melindungi negara.

Dalam melalui perkembangan persekitaran yang semakin dinamik dari hari ke hari, di samping keupayaan fizikal titah Kebawah DYMM, keutuhan rohani atau spiritual juga menjadi keutamaan.

"Kementerian Pertahanan dan ABDB perlu mempamerkan kesungguhan dan keindahan kerjaya tentera itu sebagai satu kerjaya yang menarik dan menyakinkan, biar ia benar-benar diminati untuk diceburi oleh para belia harapan bangsa dan negara."

"Tidakkah ini juga, salah satu cara kita membina negara?" tegas baginda seterusnya.

PERTAHANKAN KEAMANAN

Setiap rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam adalah sama-sama bertanggungjawab mempertahankan keamanan dan keselamatan negara. Kita wajib mempertahankan negara dari segala sudut ancaman serta serangan musuh negara.

Kita juga perlu komited dalam melaksanakan dan mematuhi tanggungjawab bagi menjamin kemajuan dan keamanan negara demi menjamin kehidupan generasi yang akan datang supaya dapat menjalani kehidupan bersama keluarga dengan aman dan damai.

Oleh itu, kita perlu sama-sama melaksanakan tanggungjawab sebagai warganegara Brunei dengan berkesan berlandaskan nilai murni dan etika luhur di bawah garis panduan yang telah ditetapkan oleh agama, budaya, rukun negara dan matlamat negara.

Tanggungjawab tersebut juga hendaklah selaras dengan aspirasi untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan serta didorong oleh tahap etika yang tinggi.

Memperkasa generasi Al-Quran



Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

GENERASI Al-Quran adalah aset negara yang diharap mencorak masa depan negara. Pada mengharungi cabaran pada masa akan datang, maka generasi hari ini perlu dipersiapkan dengan ilmu Al-Quran agar mereka tidak akan tergelincir dari arus pemodenan.

Allah Subhanahu Wata'ala telah memberi jaminan bahawa Al-Quran akan tetap terpelihara sepanjang zaman. Al-Quran diturunkan sebagai pegangan, pedoman dan petunjuk buat sekalian manusia agar hidup sejahtera, aman, tenteram dan selamat di dunia dan di akhirat. Al-Quran merupakan satu-satunya kitab panduan untuk memandu manusia ke jalan yang lurus sepanjang zaman.

Maka dengan menerapkan nilai-nilai Al-Quran pada generasi hari ini, setentunya mereka juga akan turut terpelihara sama ada dari segi akhlak dan akidah dan nilai-nilai murni inilah yang amat berguna dalam pembangunan bangsa dan negara.

Melahirkan generasi Al-Quran merupakan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sebagaimana baginda bertitah pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi :

“... generasi yang sedia ada perlu terus berusaha membaca dan memahami Al-Quran, anak-anak kita, generasi penerus juga adalah lebih penting lagi untuk disiapkan dengan ilmu Al-Quran, sehingga mereka itu dapat mencapai lebih baik lagi daripada kita. Kerana mereka adalah aset masa depan yang lebih menentukan,” tegas titah baginda.

PEMBELAJARAN

Sebagaimana baginda telah bertitah di Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi bahawa, Al-Quran merupakan mata pelajaran terpenting di Sekolah-Sekolah Ugama di negara ini, yang diajarkan sejak dari peringkat pra lagi. Di sekolah-sekolah menengah umum juga mengajar tafsiran dan pemahaman Al-Quran. Begitu juga di Sekolah-Sekolah Arab pelbagai peringkat dan Institut Tahfiz Al-Quran yang mengajarkan Al-Quran serta ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya.

Di peringkat pengajian tinggi pula, sudah ada Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan yang terus giat mengajarkan ilmu-ilmu Al-Quran.

Bagi memantapkan lagi pembacaan Al-Quran murid-murid sekolah ugama, Jabatan Pengajian Islam (JPI) turut mengungkayahkan beberapa inisiatif, aktiviti dan program antaranya Program Satu Minggu Satu Juzuk. Antara objektif program ini ialah untuk meningkatkan lagi jumlah murid-murid yang di bawah umur 10 tahun khatam Al-Quran.

Selain itu, terdapat juga beberapa skim bimbingan bacaan Al-Quran di negara ini antaranya Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR) anjuran JPI, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang mana program tersebut bertujuan untuk membimbing remaja-remaja yang telah lancar bacaan Al-Qurannya bagi mengikuti latihan membaca Al-Quran secara tarannum - teori dan amali.

Beberapa program masih dilaksanakan secara berkala bagi melanjutkan pembelajaran di dalam bidang tarannum dan memantapkan kualiti kemahiran qari dan qariah seperti Bengkel Tarannum Al-Quran dan Kursus Qari dan Qariah Muda anjuran Bahagian Kemajuan Syiar Islam, KHEU dan Kursus Tarannum Al-Quran di bawah seliaan Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah di mana hasil bimbingan ini telah berjaya menempatkan wakil negara menjadi johan, naib johan dan tempat ketiga di musabaqah pada peringkat antarabangsa.



Bagi masyarakat umum pula, masih saja boleh mempelajarinya menurut kadar kemampuan masing-masing. Kanak-kanak boleh saja dihantar untuk belajar mengaji di masjid-masjid ataupun sekolah mengaji Muqaddam dan Al-Quran yang diungkayahkan oleh sekolah swasta.

Malah ketika ini, sudah ada syarikat anak tempatan seperti Al-Huffaz Management yang memberikan khidmat mencari guru Al-Quran yang bertauliah dan bersedia mengajar di rumah-rumah persendirian dengan kadar yang berpatutan. Peluang ini sememangnya dapat menyegerakan proses pembelajaran Al-Quran terutama bagi golongan yang tidak pandai membaca Al-Quran. Tinggal lagi keazaman yang tinggi untuk mempelajarinya demi kebaikan diri sendiri jua.

Membaca Al-Quran juga dijadikan amalan harian kepada penjawat awam di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan sebelum pegawai-pegawai dan kakitangan memulakan tugas masing-masing. Ini boleh

meningkatkan tahap kemahiran pembacaan Al-Quran dalam kalangan pegawai dan kakitangan.

Malah majlis-majlis khatam Al-Quran juga semakin lazim diadakan disempenakan dengan sesuatu acara di peringkat kampung, jabatan atau sekolah mahupun pada golongan persendirian.

NILAI-NILAI MURNI

Melahirkan generasi Al-Quran itu bukanlah semata-mata mengungkayahkan program untuk melahirkan lebih ramai qari dan qariah ternama untuk memasuki pertandingan, bahkan apa yang lebih penting adalah kemampuan negara ini melahirkan serta memiliki generasi yang terpelihara dari segi akhlak dan mempunyai nilai-nilai murni yang luhur dengan mendekatkan diri mereka kepada Al-Quran. Mereka inilah yang diharapkan untuk memajukan negara serta memelihara keamanan dan keselamatan negara yang sedang kita nikmati ketika ini.



Menggarap pembangunan sektor agrimakanan



Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Jabatan Penerangan

KINI kita berada di bulan Julai, bulan bagi meraikan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan pemimpin negara berjaya rakyat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-72 Tahun. Kebawah DYMM yang menaiki takhta sejak bulan Oktober 1967 memang tidak dinafikan begitu berwibawa lagi bijaksana dalam memimpin negara untuk memajukan Negara Brunei Darussalam demi kepentingan rakyat dan penduduknya.

Segala bidang diambil berat oleh baginda ke arah pembangunan negara, baik hal ehwal keugamaan, pendidikan, keselamatan dan banyak lagi termasuk pertumbuhan ekonomi negara melalui bidang pertanian termasuk sektor agrimakanan. Sebagaimana titah Kebawah DYMM sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Permesyuaratan Ke-14 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada 5 Mac 2018, bertempat di Bangunan Dewan Majlis di mana baginda bertitah :

"Brunei perlu meneroka bidang yang tidak dapat diabaikan lagi. Pastikan ianya ditangani dengan berkesan sehingga berhasil. Beta sudah pun menyebut berkali-kali bidang pertanian. Bidang ini sangatlah mendesak untuk digerakkan. Bukan bergerak ikut mood, tetapi bergerak demi keperluan. Negara adalah sangat-sangat memerlukan."

Sudah sampai masanya untuk Brunei



berdikari dalam pemakanannya, khasnya berdaya upaya untuk menyara diri sendiri dengan makanan asasi iaitu beras. Usahakan ia sampai berhasil," titah baginda.

BELANJAWAN PROGRAM PENGELOUARAN BERAS NEGARA

Sementara itu semasa mesyuarat tersebut, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong menjelaskan bahawa sebanyak lebih BND5.47 juta diperuntukkan bagi Program Pengeluaran Beras Negara di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang bagi Belanjawan Tahun Kewangan 2018 / 2019 yang termasuk kira-kira BND162,730,00 diperuntukkan bagi Pengurusan Kemajuan Pengairan dan Sistem Perparitan.

Tambah Yang Berhormat, Perbelanjaan

Kemajuan, RKN11, BND400,000.00 daripada Harga Rancangan sebanyak BND10 juta, telah disediakan bagi Tahun Kewangan 2018 / 2019 bagi tujuan Membina Skim Pengairan Tambahan bagi Kawasan Penanaman Padi di seluruh daerah.

"Dengan penambahan sumber air itu nanti, dan digandingi pula dengan dengan inisiatif pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) untuk memperkenalkan benih padi berhasil tinggi, iaitu dari jenis padi 'Titih' yang berupaya untuk menghasilkan sehingga 8.5 MT/ha semusim pada tahun ini, maka pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berharap peladang-peladang padi akan dapat menghasilkan kira-kira 7,700 MT padi setahun menjelang tahun 2020, berbanding hanya sekitar 2,000 MT padi setahun pada

tahun 2015. Ini akan meningkatkan sara diri beras negara dari hanya sebanyak kira-kira 6% pada tahun 2015 kepada sekitar 22% menjelang tahun 2020," jelas Yang Berhormat.

PELAN STRATEGIK KSSUP

Dalam pada itu, dengan visi "Ke Arah Pertumbuhan Pesat Keluaran Industri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Sehingga Mampu Menyumbang Kepada Pertumbuhan Ekonomi demi Mencapai Wawasan Brunei 2035", KSSUP yang bertanggungjawab dalam bidang pertanian, telah merangka pelan strategik 2016 - 2020 bagi kementerian berkenaan yang antara lain menyasarkan peningkatan pertumbuhan keluaran industri agrimakanan yang bernilai BND110 juta (2015) kepada BND340.7 juta (2020). Selain itu, kementerian berkenaan juga menyasarkan untuk menembusi pasaran eksport bernilai BND80 juta menjelang tahun 2020.

Selain itu KSSUP juga merancang pelbagai inisiatif utama antaranya menggalakkan para pengusaha menggunakan sistem pengeluaran berteknologi tinggi dan automatik; meningkatkan produktiviti pengeluaran dengan menggalakkan pengusaha-pengusaha untuk berpindah dari sistem pengeluaran berteknologi rendah ke sistem berteknologi tinggi; dan memudah cara akses pasaran melalui pelaksanaan program-program amalan pembuatan terbaik (Good Manufacturing Practices), mematuhi piawaian-piawaian antarabangsa dan memenuhi keperluan pasaran eksport.

Akhirnya marilah kita berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga raja kita dilanjutkan usia, sihat walafiat dan memimpin negara dengan petunjuk dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan negara kita serta sekalian rakyat dan penduduk akan hidup aman dan makmur di bawah kepimpinan baginda yang bijaksana. Aamin Ya Rabbal Alamin.



Penggiat sukan untuk kesihatan



Oleh : Haji Ahmad bin Haji Salim
Foto : Jabatan Penerangan



lagi yang berkaitan dengan perkara kesihatan, kerana kesihatan itu tidak syak lagi, adalah satu rukun untuk memperoleh segala kebaikan.

BERGIAT AKTIF

Kebawah DYMM merupakan seorang raja penggiat sukan, di mana baginda sentiasa bercemar duli berangkat menyertai acara aktiviti-aktiviti sukan dan riadah yang diselenggarkan oleh agensi-agensi kerajaan dan juga pihak-pihak swasta serta Pertubuhan-Pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Penglibatan baginda dalam sukan dan riadah ini bukanlah baharu, malahan keaktifan baginda telah terserlah sejak baginda masih menuntut di Victoria Institution Kuala Lumpur pada tahun 1961, di mana baginda telah menzahirkan keperibadian tersendiri sehingga di kalangan penuntut sezaman baginda mengenal baginda sebagai seorang putera raja yang berdisiplin. Di sana juga baginda menunjukkan kegagahan dalam aktiviti sekolah termasuk olahraga dan pernah mewakili sekolah baginda dalam perlawanan ragbi dan bola sepak.

Kebawah DYMM bukan sahaja memiliki kepakaran dan kemahiran sebagai juruterbang kapal terbang dan helikopter, malah baginda juga pakar serta mahir bermain polo sambil menunggang kuda. Baginda tangkas dan hebat dalam perlawanan polo yang baginda serta. Baginda juga bergiat aktif dalam sukan badminton, di mana permainan Badminton adalah sebagai rutin baginda. Permainan ini bukan sahaja dilakukan baginda dalam negara, malahan juga melakukan perlawanan badminton persahabatan di luar negara ketika berangkat ke Republik Indonesia pada 4 dan 5 Mei 2018.

WALKATHON KESIHATAN

Sebagai penggiat sukan, baginda telah berkenan menyertai acara Walkaton Kesihatan dan Kecergasan Kementerian-Kementerian Kali Pertama

yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada tahun 2002 dan baginda juga berkenan berangkat dan mengepalai acara Walkaton Kesihatan dan Kecergasan Kementerian-Kementerian kali kedua yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Keterbukaan baginda itu menunjukkan bahawa baginda sangat-sangat mementingkan kesihatan sehingga dapat menarik ramai kalangan anggota perkhidmatan awam dan orang ramai sejumlah lebih 7,000 orang untuk menyertai acara Walkaton sejauh lima kilometer yang bermula dan berakhir di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Malahan, tidak dapat disangkal dan dipertingkaikan lagi dalam usia baginda itu, telah memperlihatkan kepada rakyat dan penduduk negara ini, khususnya kepada anggota perkhidmatan awam, bahawa baginda sentiasa bersikap cergas dan pantas terutama dalam acara walkaton dan bidang sukan serta riadah yang lain disertai oleh baginda.

Acara ini adalah anjuran Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya yang bertujuan bagi meningkatkan kesihatan dan kecergasan dalam kalangan pegawai serta kakitangan kerajaan diharap akan boleh menyumbang pada peningkatan prestasi kerja yang tinggi.

Penyertaan kedua-dua walkaton baginda itu adalah menunjukkan keprihatinan baginda sebagai seorang raja dan pemimpin dalam meningkatkan kesedaran rakyat dan penduduk khususnya pegawai dan kakitangan kerajaan mengenai kepentingan mengamalkan kegiatan fizikal dan mental demi untuk meningkatkan tahap kesihatan yang lebih baik.

RIADAH BERBASIKAL

Keprihatinan dan keberangkatan baginda memeriahkan beberapa acara Riadah Berbasikal, antaranya Riadah Kayuhan Jubli Emas, Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2018, Riadah Berbasikal sempena Sambutan Memperingati Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan Ke-46 Tahun dan Kayuhan Keluarga Harmoni 2017 mencerminkan keprihatinan baginda yang tinggi terhadap satu lagi bidang sukan dan riadah, iaitu Riadah Berbasikal bersama ribuan peminat dan penggemar sukan berbasikal daripada segenap lapisan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Ini bukan sahaja menunjukkan semangat perpaduan di antara satu sama yang lain dalam menceriakan dan memeriahkan lagi suasana sekitar Bandar Seri Begawan untuk sama-sama memanifestasikan rasa cinta kepada raja dan negara yang berlangsung pada 8 Oktober 2017, di samping mengeratkan

hubungan rakyat dan raja semakin erat dan kukuh. Walaupun cuaca hujan pada awal pagi, namun ia tidak mematahkan semangat para peserta untuk sama-sama menyertai acara yang menggabungkan aspek gaya hidup sihat dan rekreasi dengan hasrat untuk membentuk budaya sukan dan memantapkan perpaduan menerusi penglibatan masyarakat secara menyeluruh ke arah mewujudkan warga negara sihat.

HBT

Salah satu sukan yang berprestij di rantau ASEAN yang dianjurkan oleh Negara Brunei Darussalam ialah Piala Hassanal Bolkiah (HBT), yang melibatkan 10 Negara ASEAN untuk bersaing dalam kejohanan itu yang berjalan dua tahun sekali. Kejohanan HBT telah memulakan tirainya dalam tahun 2002 dan telah memasuki edisi ke-6 pada tahun 2018.

Ke arah hasrat menjadikan bidang sukan sebagai pengerat hubungan silaturahim khususnya kalangan belia dalam anggota rantau ASEAN, selain menjadikan sukan bola sepak sebagai aktiviti untuk kesihatan, maka tercusulah satu idea untuk rantau ASEAN ini memiliki liga sendiri dalam sukan bola sepak belia ASEAN di bawah 21 tahun. Idea untuk menubuhkan kejohanan ini bermula apabila Kebawah DYMM sendiri mencadangkan gagasan pertandingan bola sepak dalam kalangan belia negara anggota ASEAN.

LUMBA PERAHU

Sejarah lumba perahu bermula pada 1950-an, 1960-an, 1970-an dan 1990-an. Kedekatan antara baginda dan rakyat di acara-acara yang melibatkan baginda seperti acara lumba perahu ini sudah setentunya menambahkan lagi rasa kasih sayang rakyat terhadap baginda dan ini ditambah dengan penyertaan paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah DYMM setiap tahun berjaya menarik minat pelumba perahu untuk tampil menyertai acara seumpamanya terutamanya golongan belia. Perairan Sungai Brunei berhadapan Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan telah menjadi tumpuan para pengunjung dan peminat lumba perahu dari dalam juga luar negara untuk sama-sama menyaksikan sukan kegemilangan raja dan rakyat di negara ini.

Penglibatan baginda dalam bersukan dalam juga luar negara adalah untuk kebaikan demi kesihatan dan menjadi faktor kasih sayang rakyat dan penduduk kepada baginda yang tidak terhingga. Kecergasan dan ketokohan yang dimiliki baginda itu adalah juga berkat baginda sentiasa mendukung ketinggian ajaran Islam dan doa yang dipanjangkan oleh seluruh rakyat serta penduduk negara ini demi kesejahteraan dan kesihatan baginda.



Penjagaan kesihatan, kesejahteraan rakyat, penduduk terus dipeduli



Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar
Foto : Jabatan Penerangan

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan sentiasa prihatin dan sangat pemedulian terhadap penjagaan kesihatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Ke arah itu Kementerian Kesihatan telah menggariskan fokus utama belanjawan Tahun Kewangan 2018 / 19 sebanyak BND345,181,490.00 dengan memberi tumpuan kepada lima strategi utama.

Menurut Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Jaafar, strategi pertama ialah memperkesankan Urustadbir dan Dasar Kesihatan yang dihasrat meningkatkan kualiti perkhidmatan dan mendukung pada peningkatan produktiviti penjagaan kesihatan melalui penerapan inovasi dalam semua perkhidmatan dan meningkatkan profesionalisme pegawai dan kakitangan dalam memberikan perkhidmatan berkualiti dan yang terbaik.

Kedua, melindungi kesihatan awam dengan membuat pendekatan serta amalan-amalan terbaik seperti memantapkan pelaksanaan Health In All Policies dalam program-program pencegahan serta pengawalan penyakit-penyakit berjangkit dan tidak berjangkit, di samping meningkatkan surveilans dan kewaspadaan terhadap ancaman-ancaman penyakit.

Strategi ketiga pula, penjagaan Kesihatan Asasi juga diberi fokus

ke arah mengukuhkan perkhidmatan yang holistik kepada komuniti daripada aspek saringan (*screening*), rawatan, pemulihan serta pencegahan penyakit-penyakit dan ini turut meliputi pada penjagaan kesihatan ibu dan anak.

Sementara keempat, penjagaan Kesihatan Secondary dan Tertiary bagi mendukung kepada efisiensi dan keberkesanan perkhidmatan di hospital-hospital dan pusat-pusat perubatan untuk memberikan khidmat yang berkualiti mengikut piawaian kesihatan antarabangsa dengan penggunaan kaedah teknologi perubatan dan maklumat dalam prasarana yang kondusif lagi mesra pelanggan.

Manakala strategi kelima, Perkhidmatan Bantuan Asas dikhushuskan bagi mengukuhkan perkhidmatan perbekalan ubat dan barang perubatan guna habis (guna sama), perkhidmatan makmal saintifik dan klinikal negara di samping memastikan kemudahan, peralatan perubatan dan infrastruktur sentiasa di dalam keadaan baik, berfungsi dan selamat untuk digunakan.

PENYAKIT-PENYAKIT KRONIK TIDAK BERJANGKIT

Dalam pada itu Kementerian Kesihatan masih lagi berhadapan dengan cabaran-cabaran dalam menangani penyakit-penyakit kronik tidak berjangkit yang merupakan penyebab kematian utama dalam kalangan rakyat dan penduduk di negara ini.

Di antaranya, masalah kegemukan dalam kalangan masyarakat; kadar jumlah perokok yang masih tinggi meskipun telah banyak langkah-langkah pengawalan tembakau dilaksanakan; industri makanan, pengedar peralatan kosmetik dan ubat-ubatan yang licik dalam memasarkan produk yang kurang sihat dan membudayakan aktiviti fizikal dalam kehidupan sehari-hari.

Cabaran-cabaran itu amat membimbangkan, memandangkan ia bukan saja dihadapi oleh golongan dewasa, tetapi juga dalam kalangan kanak-kanak.

Dalam menangani cabaran epidemik penyakit-penyakit tidak berjangkit itu, Kementerian Kesihatan menggunakan pendekatan *whole of government* dan *whole of nation*, yang mana melalui Multisectoral Task Force on Health yang telah ditubuhkan telah mengenal pasti empat fungsi utama, iaitu :

i) Memberikan setiap kanak-kanak permulaan hidup yang terbaik;

ii) Memperbaiki persekitaran pemakanan



(*food environment*); iii) Mendukung komuniti yang aktif; dan iv) Mengurangkan penggunaan produk tembakau.

Beberapa dasar dan inisiatif telah dan sedang giat dilaksanakan termasuklah beberapa inisiatif yang digariskan di dalam Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Mencegah dan Mengawal Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit 2013 - 2018.

Inisiatif bersepadan agensi-agensi kerajaan dalam mendidik anak-anak dari peringkat awal memahami bahaya pemakanan yang kurang sihat, merokok dan perlunya aktiviti-aktiviti jasmani sedang giat dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan dengan bantuan Kementerian Kesihatan.

Di peringkat masyarakat dan akar umbi pula, aktiviti fizikal seperti Bandarku Ceria, Program Mukim Sihat akan terus diungkayahkan. Melalui program Mukim Sihat duta-duta kesihatan terdiri daripada ketua-ketua masyarakat telah dilantik.

Sementara itu, pada April 2017, Kementerian Kewangan telah mengambil inisiatif meningkatkan kadar cukai produk-produk makanan yang mengandungi gula yang tinggi yang bertujuan untuk membantu dalam mengurangkan konsumsi makanan serta minuman yang kurang sihat dan seterusnya menjuruskan pemakanan yang lebih sihat.

Kementerian Kesihatan telah diberikan mandat untuk menguatkuasakan beberapa undang-undang dan peraturan, antaranya

Perintah Tembakau 2005, Akta Kesihatan Awam (Makanan) Penggal 182, Akta Racun Penggal 114 dan Perintah Ubat-Ubatan 2007 bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sentiasa terjamin.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda sering kali menyuruh supaya rakyat dan penduduk menjaga kesihatan dengan mengamalkan cara hidup sihat bagi mengurangkan risiko penyakit tidak berjangkit seperti penyakit jantung, obesiti dan kencing manis yang kian meningkat setiap tahun.

Jika tidak dianteras, penyakit-penyakit tidak berjangkit boleh membantu perkembangan sosioekonomi negara kita disebabkan oleh kesan negatif terhadap produktiviti dan kos rawatan yang kian meningkat.

Apa yang membimbangkan, punca utama kematian di Negara Brunei Darussalam adalah disebabkan oleh penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti kanser, penyakit jantung, kencing manis (Diabetes Mellitus) dan strok.

Seumur langkah-langkah itu akan memerlukan kerjasama yang sepada dan komitmen erat dari pelbagai sektor, lapisan masyarakat dan individu atau pesakit serta ahli keluarga terdekat bagi memastikan kejayaan dan keberkesanan dalam mengatasi masalah penyakit tidak berjangkit.



Memperkasa pendidikan teknikal dan vokasional



Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Jabatan Penerangan

SETIAP negara di dunia ini mengutamakan perkembangan dan kemajuan pendidikannya agar negara tersebut boleh maju di dalam semua hal, ia termasuklah negara kita Brunei Darussalam yang sebelum merdeka hingga sekarang terus berusaha meningkatkan dan memperkembangkan pendidikannya di semua peringkat khasnya bidang pendidikan teknikal dan vokasional.

Antara langkahnya ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan satu perintah yang dipanggil Perintah Institut Pendidikan Teknikal Brunei 2014 yang menjadi perintis pada perkembangan dan transformasi pendidikan teknikal dan vokasional di negara ini.

Di bawah agenda transformasi tersebut ia memfokus pada modaliti kerjasama rapat di antara pendidikan teknik dan vokasional, agensi kerajaan juga industri.

Program-program yang dikemaskinikan mengikut kehendak atau *demand driven*, dan piawaian industri untuk melahirkan tenaga kerja yang mempunyai kelayakan dan kemahiran yang diiktiraf oleh industri. Sehubungan dengan itu, pelbagai program baharu yang mematuhi Energy Industry Competency Framework (EICF) telah ditawarkan sejak Julai 2013 dengan kerjasama Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri.

Jumlah pelajar yang memasuki program-program yang EICF compliant dan di Brunei Maritime Academy (BMA) adalah seramai 1,255 orang dan satu lagi inisiatif ialah apabila Politeknik Brunei ditubuhkan pada Januari 2012 yang telah melahirkan graduan pertamanya. Penubuhan Politeknik Brunei dihasilratkan



untuk memberikan peluang dan laluan kepada pelajar-pelajar pasca menengah dan lepasan institusi teknikal untuk meneruskan pengajian dan meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang-bidang teknikal dan vokasional dan hingga sekarang jumlah kemasukan pelajar ke IBTE dan vokasional terus meningkat.

MENARIK MINAT PELAJAR

Selain itu, untuk menarik minat pelajar mencebur ke Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), pada bulan Julai tahun lalu, IBTE menawarkan sebanyak 46 program bagi peringkat Sijil Pendidikan Teknikal Kebangsaan (NTec) dan Sijil Pendidikan Teknikal Tinggi Negara (HTec).

Bakal pelajar dijemput untuk menyaksikan sendiri persekitaran pengajaran dan pembelajaran di IBTE semasa hari terbuka bagi dua kampus tersebut yang berlangsung di Pusat IBTE dan Satelit IBTE.

Di samping itu, bagi memastikan tahap serta pencapaian UTB dan IBTE

terus diiktiraf antarabangsa juga serantau, UTB dan IBTE serta beberapa sekolah vokasional telah memeterai beberapa perjanjian berbentuk MoU.

Antaranya, Universiti Teknologi Brunei (UTB) menubuhkan kerjasama dalam program pendidikan melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai bersama empat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan sebagai Rakan-rakan Satelit (Satellite Partners - SP) seperti International Graduate Studies College (KIGS); Kemuda Institute (KI); Micronet International College (MIC) dan Cosmopolitan College of Commerce and Technology (CCCT).

MoU tersebut akan berfungsi sebagai rangka kerja am bagi penubuhan kerjasama di antara UTB dan SP menerusi penyampaian program-program asas dalam perniagaan, pengkomputeran dan sains, IPT tempatan komited dalam menyediakan akses ke pengajian lebih tinggi melalui satu program baharu, iaitu UTB - SP Foundation Programme.

Beberapa program yang dijalankan di IBTE juga telah menerima pengiktirafan piawaian antarabangsa, antaranya ialah Program Latihan Kimpalan ataupun welding telah mendapat pengiktirafan piawaian antarabangsa 'The Welding Institute (TWI)' bagi menjalankan latihan kimpalan dan Sekolah Info Komunikasi dan Teknologi Maklumat (ICT) menerima pengiktirafan 'Computing Technology Industry Association (COMPTIA)' bagi program ICT.

IBTE pada masa ini sedang dalam proses untuk mendapatkan pengiktirafan piawaian antarabangsa yang lain bagi program-program yang dijalankan oleh IBTE. Pencapaian dalam pengiktirafan piawaian antarabangsa ini akan dapat meningkatkan lagi kepercayaan serta kepuasan pihak industri terhadap kursus-kursus, di samping dapat menyajarkan dengan piawaian industri.

Dalam bidang kolaborasi dan kerjasama dengan pihak Industri, IBTE telah menandatangani perjanjian

dengan 64 buah syarikat di negara ini.

Hasil dari inisiatif ini, beberapa buah 'pusat pembelajaran autentik' telah pun dan sedang dan akan ditubuhkan di kampus-kampus IBTE termasuk Youth Enterprise Service (YES) di Sekolah Bisnes, IBTE Kampus Bisnes; Authentic ICT Lab di Sekolah ICT, IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal; Network Lab bagi program ICT di Sekolah ICT, IBTE Kampus Jefri Bolkiah dan 'Mini Plant' bagi Program Tenaga dan Kejuruteraan di IBTE Kampus Jefri Bolkiah.

Hasil kajian Pengesanan Graduan (Employment Study), iaitu peratusan graduan yang bekerja enam bulan selepas konvokesyen dari IBTE, yang dikeluarkan oleh Bahagian Penyelidikan dan Statistik IBTE pada bulan September 2016, telah menunjukkan bahawa seramai 74.5 peratus graduan telah berjaya mendapat pekerjaan enam bulan selepas konvokesyen dibandingkan hanya seramai 63.8 peratus pada tahun 2013.

Daripada jumlah peratus tersebut, seramai 11 peratus bekerja di sektor kerajaan, manakala seramai 86.5 peratus di sektor swasta. Manakala itu 74.8 peratus telah mendapat pekerjaan yang bersesuaian dengan program yang mereka ikuti, iaitu *job relevant* dibandingkan 65 peratus pada tahun 2013.

Di samping, melihat pihak IBTE memainkan peranan penting, untuk membangun kapasiti negara dan menyediakan tenaga pekerja dan kemahiran bagi memenuhi kompetensi yang digariskan oleh International Civil Aviation Organisation dan International Maritime Organisation.

Antara bidang yang diperlukan ialah kelayakan-kelayakan teknikal dan profesional bidang pengawasan lalu lintas udara, kecekapan dalam navigasi dan maritim serta pengangkutan awam.

Hasilnya nanti, bukan hanya menjadikan anak-anak tempatan kita lebih berkelayakan, tetapi mereka juga boleh bersaing bagi meraih peluang pekerjaan yang kompetitif baik di peringkat negara atau antarabangsa.

Pada Majlis Konvokesyen yang lalu IBTE telah berjaya mengeluarkan seramai 2,075 graduan.

Sejak tahun 2014, IBTE telah giat melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah rancangan Transformasi Pendidikan Teknikal, yang mana ia telah membawa pelbagai perubahan dan perkembangan pada landskap pendidikan teknikal di negara ini, selaras dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam langkah menaik taraf pendidikan teknikal di negara ini.

LAKAR SEJARAH

Tahun lalu IBTE telah melakar sejarahnya sendiri dengan mencapai beberapa pencapaian yang begitu signifikan bagi beberapa projek dan inisiatif di bawah rancangan transformasi pendidikan teknik juga salah satu insiatif strategik transformasi pendidikan teknik negara ini ialah penjenamaan pusat-pusat latihan di bawah IBTE.

Ia bermatlamat untuk meningkatkan imej pendidikan teknikal dan vokasional ke arah yang lebih positif kepada pelajar-pelajar dan orang ramai, di samping untuk menyajarkan ke semua tujuh buah pusat latihan IBTE di bawah satu bumbung.



Raja pemedulian tetap abadi di hati rakyat



Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

KEBAWAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan seorang raja yang berjiwa rakyat dan dekat di hati rakyat di Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dilahirkan pada 15 Julai 1946, merupakan seorang raja yang amat dekat di hati rakyat apatah lagi dengan sifat keperibadian baginda yang bijaksana. Baginda Sultan kerap menjelajah ke seluruh pelosok daerah di negara ini sehingga ke kawasan pedalaman untuk melihat sendiri dengan lebih dekat akan keadaan rakyat baginda. Dengan adanya penglibatan baginda ini mencerminkan bahawa baginda merupakan seorang raja yang amat dekat di hati rakyat.

Dalam meniti usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia 72 tahun dan sepanjang pemerintahan Kebawah DYMM adalah menjadi satu sejarah kepada rakyat Negara Brunei Darussalam kerana mempunyai raja yang mengutamakan kepentingan dan keperluan rakyatnya.

Sesuai ungkapan raja dan rakyat tiada tembok pemisah, baginda sentiasa memayungi rakyat jelata dengan perhatian sewajarnya terutama dalam isu pembangunan. Baginda tidak terlepas peluang mencemar duli turun padang, melawat dan memberi kata-kata semangat kepada rakyat yang berada dalam kesusahan. Sebut sahaja kawasan

pedalaman mana yang tidak pernah dilawati baginda bagi menyelami suka duka rakyat termasuk ke kampung-kampung di daerah-daerah di negara ini.

Sebagai raja, kasih sayang baginda melangkau semua agama dan bangsa di negeri ini dan selama pemerintahan baginda, banyak perkara yang dilaksanakan memberi manfaat kepada rakyat dan keakraban ini jugalah menyebabkan baginda dan rakyat seperti tidak ada jurang pemisah yang boleh merenggangkan hubungan rakyat dan raja.

Baginda sering mencemar duli melakukan lawatan ke daerah-daerah yang mengalami masalah atau bencana seperti tanah runtuh dan banjir untuk sama-sama selesaikannya.

Baginda juga tidak ketinggalan memberi tumpuan terhadap institusi pendidikan dengan pembinaan beberapa pusat pengajian tinggi di negara ini bahkan baginda begitu prihatin terhadap pendidikan rakyat baginda bagi masa hadapan bangsa dan negara.

Pusat pengajian berkenaan bukan sahaja mampu berdaya saing dengan institusi pengajian lain, malah berjaya melahirkan ramai tenaga profesional dalam pelbagai bidang.

Antaranya Universiti Brunei Darussalam (singkatan : UBD) adalah universiti pertama di Negara Brunei Darussalam dan juga merupakan universiti terbesar di negara ini berdasarkan jumlah mahasiswa dan mahasiswi serta kepelbagaian kurikulum yang ditawarkan. Penubuhan UBD sebagai sebuah universiti pertama di Negara Brunei Darussalam adalah salah satu perkembangan penting dalam dunia pendidikan semasa pemerintahan baginda kerana ia dapat memberikan rakyat dan penduduk Brunei lebih banyak peluang dan kesempatan untuk mengikuti pengajian tinggi dalam masa yang sama kerajaan berpeluang memperoleh sumber tenaga manusia daripada rakyat baginda sendiri yang berilmu pengetahuan tinggi dan berkualiti, yang setentunya boleh menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara di masa hadapan.

Selaku Canselor UBD, keprihatinan Kebawah DYMM juga terlihat apabila Baginda kerap menekankan tentang kepentingan dalam menghasilkan graduan yang berkualiti dalam titah-titah baginda dalam Majlis Konvokesyen UBD sejak konyokesyen yang pertama 1989 sehingga kini.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) ialah sebuah universiti yang kedua di Brunei. UNISSA ditubuhkan pada 1 Januari 2007 atas titah perkenan Kebawah DYMM sempena Titah Perutusan Awal Tahun Masihi 2007



dengan harapan yang murni, iaitu untuk menjadikan UNISSA sebagai sebuah pusat ilmu Islam Tulen, yang melahirkan para ulama dan cendiakawan berwibawa dan mampu memenuhi aspirasi negara. Kebawah DYMM adalah Canselor UNISSA. Manakala Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtabee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dilantik sebagai Pro-Canselor UNISSA.

Universiti Teknologi Brunei (UTB) merupakan salah sebuah universiti awam di Brunei dan merupakan salah satu institut teknikal yang terulung di Negara Brunei Darussalam. Pada 18 Oktober 2008, UTB secara rasminya ditukar menjadi universiti. Sebagaimana yang terkandung dalam titah Kebawah DYMM :

"Selaras dengan perkembangan, beta telah memperkenankan bagi Institut Teknologi Brunei dinaikkan tarafnya kepada sebuah universiti dengan mengekalkan namanya ITB..."

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) merupakan sebuah institusi pendidikan berstatus universiti di Bandar Seri Begawan, Brunei. Ianya adalah universiti awam yang menawarkan program pendidikan perguruan khusus dalam bidang ugama Islam. KUPU SB ditubuhkan pada Awal Tahun Baharu Hijrah 1428 bersamaan dengan 20 Januari 2007, iaitu berikutan pengisytiharan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda sempena Sambutan Awal Tahun Baharu Hijrah 1428. Baginda telah menitahkan bagi penaikan taraf kepada peringkat Kolej Universiti daripada peringkat Maktab Perguruan Ugama.

Kebawah DYMM merupakan seorang raja yang cukup disayangi sejak baginda memegang tumpuk pemerintahan dan alhamdulillah, berkat daulat Kebawah DYMM, semua rakyat dan penduduk di negara ini turut sama menikmati segala kemudahan, kemajuan dan pembangunan yang berterusan. Semua yang dinikmati ini adalah berkat keprihatinan dan pemedulian baginda terhadap kebijakan dan kesejahteraan semua rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi Brunei Darussalam yang makmur lagi sejahtera.

Bahkan rasa cinta dan kasih sayang baginda kepada rakyat dan penduduk baginda bukan hanya kelihatan pada sesetengah acara atau majlis yang melibatkan baginda bahkan baginda sendiri juga sentiasa turun padang dalam apa jua hal baik secara rasmi mahupun tidak. Sikap baginda yang begitu terbuka kepada rakyat dan penduduk baginda amat jelas sekali dan inilah yang membuatkan rakyat baginda sentiasa berasa bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dikurniakan

seorang raja yang berjiwa pengasih dan penyayang kepada rakyat baginda tanpa mengira bangsa, keturunan dan warna kulit. Sebagaimana titah Kebawah DYMM pada Majlis Istiadat Mengadap sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta pada hari Khamis 14 Muharam 1439 / 5 Oktober 2017 bertempat di Istana Nurul Iman :

"Kalau beta dilihat gembira, maka rakyat juga adalah berhak untuk bergembira. Jika beta bersyukur, maka rakyat juga patut bersyukur. Demikian itu hubungan raja dan rakyat. Tidak ada tembok pemisah di antara mereka. Kewajipan raja berlaku adil kepada rakyat, sementara kewajipan rakyat pula mentaati raja. Raja berkewajipan untuk mengetahui susah senang rakyat, sementara rakyat pula dituntut untuk bersimpati kepada raja. Inilah namanya kewajipan timbal balik untuk kesejahteraan semua. Raja dan rakyat sama-sama memegang amanah besar ini."

Rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam seharusnya menjunjung penghargaan yang diberikan oleh raja yang dikasihi. Semoga daripadanya hubungan di antara raja dan rakyat di negara ini akan terus mantap bagi menjamin kehidupan aman damai yang berpanjangan dan sekali gus menyumbang pada kemajuan dan pembangunan berterusan negara tercinta.

Dengan adanya penglibatan baginda yang sering turun padang bersama rakyat baginda mencerminkan bahawa baginda merupakan seorang raja yang amat dekat di hati rakyat dengan pelbagai pencapaian, kejayaan dan ciri-ciri pemerintah yang baik, bijaksana dan mulia. Malah sikap baginda yang sering menitikberatkan dan memeduli akan kebijakan serta sering menyediakan keperluan rakyat di negara ini baik dari segi urusan pentadbiran dan kemajuan perekonomiannya bagi pencapaian cemerlang sahsiah bangsa serta memartabatkan ummah amat disanjung tinggi oleh rakyat baginda dan ini cukup menjadikan baginda sebagai 'Raja di Hati Rakyat'.

Bersempena dengan Hari Keputeraan baginda pada tahun ini seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sentiasa berdoa semoga Kebawah Duli Tuan Patik serta kerabat diraja sekalian dilanjutkan usia, dan sentiasa berada dalam perlindungan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, sihat walafiat, sejahtera, serta kekal karar memerintah turun-temurun di atas takhta singgahsana kerajaan dan Negara Brunei Darussalam dalam keadaan aman damai, serta dengan rahmat, taufik dan inayah Allah Subhanahu Wata'ala.



دولت کباوه دولی توان ڈاٹیق

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik



Ke 72
Tahun

WARGA JABATAN PENERANGAN
DAN JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN,
JABATAN PERDANA MENTERI MENYEMBAHKAN
UCAPAN SELAMAT HARI KEPUTERAAN KE HADAPAN MAJLIS
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-72 TAHUN

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

دھریتکن اوله جاتن فراغن، جاتن فردان منtri دان دچیق اوله جاتن فرجیتھن کراجاٹن، نگارا بروني دارالسلام

DITERBITKAN OLEH JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI DAN DICETAK OLEH
JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM